


BAB DUA

KERAJAAN NEGERI MELAYU SEHINGGA TAHUN 1800

2.0 LATAR BELAKANG

Di kawasan Segenting Kra¹ sebelum abad ke-19 telah terdapat tiga buah kerajaan Melayu yang menguasai wilayah timur dan barat segenting tersebut. Kerajaan Melayu yang dimaksudkan ialah Kesultanan Kedah, Kesultanan Perak dan Kesultanan Patani-Kelantan. Ketiga-tiga kesultanan ini telah menduduki dan menguasai kawasan persekitaran Segenting Kra sejak beberapa abad sebelum kedatangan kuasa Barat. Ketiga-tiga kesultanan di atas mempunyai hubungan yang erat, saling hormat-menghormati, bertolak ansur dan bantu-membantu di antara satu dengan yang lain. Dengan wujudnya hubungan yang erat tersebut, mereka telah berjaya menguasai jalan perdagangan dan perhubungan darat di antara timur dan barat. Penguasaan jalan perdagangan ini menjadi tunggak kepada kejayaan dan keutuhan kerajaan-kerajaan itu. Perlulah dijelaskan, keutuhan kerajaan-kerajaan di atas selain daripada menguasai jalan perdagangan, kawasan wilayah masing-masing kaya dengan sumber bumi, hasil hutan, hasil laut dan juga hasil-hasil pertanian. Kerajaan-kerajaan di atas mempunyai ceruk, rantau dan jajahan atau wilayah tetapi tidak mempunyai garis sempadan yang tepat dan ketara.

Peta 2.1. Negeri-Negeri Melayu Dan Kerajaan Petempatan Di Segenting Kra Abad ke 19




Sumber: John W. Parker, London 1897 (UBAHSUAI)

Garisan sempadan pada masa itu tidak penting kerana corak pemerintahan, kehidupan sosial penduduk dan kegiatan ekonomi tidak mengambil berat soal tersebut. Kekuatan sesebuah kerajaan diukur pada bilangan penduduknya, bukan pada keluasan kawasannya. Persahabatan tiga buah kerajaan Melayu ini telah membolehkan mereka menguasai Segenting Kra yang memainkan peranan penting dalam menghubungkan perdagangan di antara Laut China Selatan dengan Lautan Hindi. Untuk memahami peranan Segenting Kra, gambaran mengenai keadaan fizikal, corak pemerintahan, sumber dan kegiatan ekonomi serta laluan perdagangan dan sistem sosial ketiga-tiga buah kerajaan tersebut perlulah diteliti secara menyeluruh.

Kerajaan Melayu Kedah, Perak dan Kelantan-Patani melalui perjalanan sejarah merupakan kerajaan-kerajaan tempatan yang mempunyai nilai-nilai tradisi mereka tersendiri. Kedah atau pada sejarah awalnya dikenali sebagai Qalha menerima pengaruh dari nilai tradisi kelautan Hindi/Parsi.² Sementara itu Perak pula menerima pengaruh tradisi kepulauan dari Kesultanan Melaka.³ Kelantan-Patani pula menerima pengaruh tradisi telukan daripada Champa.⁴ Apa yang menarik, meskipun menerima pengaruh tradisi yang berlainan namun begitu, kerajaan-kerajaan ini mempunyai persamaan dalam pemilikan dan pengeksploitasi hasil dan dalam persoalan penerimaan ugama Islam. Ketiga-tiga kerajaan, ini masing masing terbentuk daripada gabungan beberapa pertempatan yang terdapat di sepanjang sungai.⁵ Dalam

Peta 2.2. Negeri-Negeri Yang Terlibat Dalam Kajian



Sumber: B.W.Andaya, Abode of Grace (UBAHSUAI)

proses perkembangan kerajaan tersebut, kota-kota yang dibina tidak kekal pada satu pertempatan tetapi berpindah dari satu lokasi ke lokasi yang lain. Lokasi-lokasi yang ditinggalkan tetap dihuni oleh penduduk yang bernaung pada kerajaan tersebut. Perkembangan kerajaan-kerajaan Melayu ini terbatas di kawasan lembah berhampiran sungai sahaja. Ini disebabkan perkembangan ke pendalaman terhalang oleh banjaran gunung. Manakala perkembangan ke utara terhalang oleh dua buah kuasa besar dari utara iaitu Burma dan Siam. Perkembangan kerajaan Burma tertumpu di bahagian pantai barat, sementara perkembangan kerajaan Siam pula tertumpu ke bahagian pantai timur Segenting Kra.⁶ Seperti kerajaan-kerajaan Melayu, kedua-dua kerajaan di atas juga bertapak di lembah-lembah sungai. Kerajaan Burma terletak di Lembah Salween dan Irrawadi dan kerajaan Siam pula di Lembah Menam Chao Phraya.

Perkembangan kerajaan-kerajaan Melayu tradisional tidak dapat disempadankan secara nyata baik di bumi mahu pun di atas peta. Ini disebabkan saiz sesebuah kerajaan adalah tidak tetap disebabkan ia dipengaruhi kuat oleh kerajaan-kerajaan sekelilingnya. Dalam keadaan kerajaan sekelilingnya kuat saiz kerajaan Melayu akan mengecil dan begitu juga sebaliknya. Dengan kata lain, saiz kerajaan Melayu tradisional boleh mengembang dan menguncup. Sistem pemerintahan, sosial dan ekonomi ketiga tiga kerajaan ini terus diperkuatkan dengan ikatan kekeluargaan dan

kerjasama dalam pengawalan laluan laut dan darat. Hubungan politik diteguhkan melalui perkahwinan ataupun perakuan persahabatan. Hubungan ekonomi terjalin melalui penggunaan dan penguasaan jalan laluan serta pengeksploitasi sumber kawasan sempadan yang sama. Dengan wujudnya kerjasama di atas, segala hasil mahsul boleh di bawa keluar masuk melalui negeri-negeri jiran tanpa halangan.⁷ Pengetahuan mengenai keadaan fizikal adalah penting kerana ciri-ciri fizikal yang ada telah memainkan peranan dalam menentukan garis kasar sempadan kerajaan-kerajaan di atas. Banjaran gunung biasanya dijadikan kawasan sempadan terakhir bagi sesebuah kerajaan. Selain daripada itu ciri-ciri fizikal akan membantu dalam memahami taburan penduduk dan petempatan, kegiatan ekonomi dan juga laluan perdagangan kerajaan-kerajaan tersebut.

2.1 LOKASI DAN CIRI-CIRI FIZIKAL⁸

Istilah Semenanjung Melayu dan Semenanjung Tanah Melayu hanyalah konsep gambaran geografi yang diberikan oleh pihak ahli geografi Barat untuk tujuan pembahagian kawasan dan pentadbiran. Secara ringkasnya, Semenanjung Melayu yang dikenali juga Semenanjung Melaka ialah kawasan yang dahulunya dianggap sebagai Semenanjung Emas. Semenanjung ini berada pada bahagian paling selatan wilayah Semenanjung Indo China di Teluk Siam (pantai timur) dengan bahagian terjauh India (pantai barat) yang bersambung dengan Segenting Kra yang memanjang ke selatan sehingga ke Tanjung

Romania atau dikenali Tanjung Bulu. Pengunjuran ini telah membahagikan Teluk Siam dan Laut China Selatan di pantai timurnya dengan Laut Andaman dan Selat Melaka di pantai baratnya. Kedudukannya di atas bumi pada kira-kira Garis Lintang (GL) 13 30'U hingga ke 1 41'U yang hanya terpisah 74 batu dari Garisan Khatulistiwa. Semenanjung Tanah Melayu ialah kawasan yang dikenali sebagai Semenanjung Malaysia pada hari ini atau sebelumnya Persekutuan Tanah Melayu. Secara kasar ia terletak diantara GL 1 20'U hingga 6 45'U dan Garis Bujur (GB) antara 99 35'T hingga 104 20'T. Kawasan di utara dari sini (Malaysia Barat) di kenali Semenanjung Thailand (Thailand Selatan) pada hari ini.


Pembahagian kawasan Semenanjung Melayu kepada Semenanjung Tanah Melayu di selatan dan Semenanjung Thailand di utara, adalah berpunca daripada garisan persempadanan yang terbentuk pada awal abad ke 20 mengikut konsep dunia barat. Sebelum itu kawasan ini lebih dikenali sebagai kawasan yang ramai diduduki oleh orang Melayu dan orang Siam. Kawasan yang terlebar sekali ialah 200 batu dari kawasan Dinding, Perak di pantai barat ke Kemaman, Terengganu di pantai timur. Manakala tempat yang tersempit ialah di Segenting Kra kira-kira 40 batu.

Dalam perbincangan ini, kawasan tumpuan ialah dari Segenting Kra-Chumphon di GL 10 30' di utara hingga ke selatan di Perak pada GL 5 45'U dan Kelantan 5 40'U. Kawasan ini diambil kira kerana kedudukannya

yang telah membahagikan garis persempadan antarabangsa dalam kajian ini. Dengan melihat ciri ciri fizikal dan budaya kedua-dua bahagian tempat ini dapatlah difahami proses pembentukan garis persempadan tersebut.


Ciri-ciri fizikal yang dibincangkan secara ringkas termasuklah gunung, sungai, lembah dan pulau-pulau yang terdapat di kawasan tersebut. Banjaran yang terdapat di Semenanjung ini terbentuk daripada rangkaian banjaran sistem pergunungan Indo-Malaya. Banjaran ini menganjur dari utara ke selatan merentangi bahagian tengah Semenanjung. Di kawasan Segenting Kra-Chumphon, rangkaian banjaran ini dikenali sebagai Banjaran Bilauktaung. Lanjutan daripada banjaran ini merupakan Banjaran Nakawan yang menganjur dari kawasan Trang-Tanjung Surat Thani (utara Ligor) ke selatan. Banjaran ini akhirnya bertemu dengan banjaran batu kapur tepi pantai barat merentangi Semenanjung yang pada hari ini telah menjadi sempadan negeri Perlis-Setol (Siam). Di kawasan tengah yang melintangi Semenanjung dikenali banjaran Kedah-Singgora. Ia bermula dari timur laut Kedah (sempadan pendalam Kedah-Perlis hari ini) hingga ke selatan Singgora (kawasan Chenak dan Tiba). Keseluruhan banjaran ini telah menjadi sempadan negeri Kedah dengan Singgora-Patani (Siam) hari ini. Di Segenting Kra, Banjaran Indo-Malaya ini berpecah tiga. Satu membentuk banjaran yang menganjur dari Kedah ke Kelantan-Patani. Satu pecahan lagi membentuk banjaran yang manganjur ke selatan mengwujudkan Banjaran Bintang. Ia berkedudukan berdekatan sebelah

Peta 2.3. Kedah: Lembah Dan Sungai-Sungai Utama



Sumber: R.Bonney, Kedah 1771-1821

Peta 2.3.(a) Rangkaian Banjaran Gunung Di Kedah



Sumber: ANM Ubahsuai dari Peta Jalan/Keretapi Kedah Singgora

tepi pantai barat yang mengunjur ke selatan sampai ke Beruas/Dinding di Perak. Sebuah lagi ialah Banjaran Titiwangsa. Berkedudukan pada tengah Semenanjung yang menunjur ke selatan sampai ke Gunung Ledang di sempadan Melaka. Kedua-dua banjaran terakhir ini telah menjadi teras kepada sistem pergunungan di Semenanjung Tanah Melayu.


Pada keseluruhannya sistem pergunungan yang dibincangkan di atas telah menghasilkan sungai-sungai dan lembah yang bertaburan di sepanjang Segenting Kra dan Semenanjung. Sungai-sungai utama di Segenting Kra mengikut nama sungai (dari utara) ialah Sungai Pakchan, Sungai Ranong, Takuapa, Pongah (dekat Pulau Ujong Salang/Phuket), Sungai Krabi, Trang Lunggu dan Sungai Setol. Sungai-sungai di atas berpunca dari Banjaran Bilauktaung yang mengalir ke Laut Andaman dari arah timur laut ke barat daya. Kecuali Sungai Trang dan Lungu berpunca dari Banjaran Nakawan yang mengalir masuk ke utara Selat Melaka dari arah yang sama. Lembah-lembah yang terbentuk di sini kebanyakannya (kecuali Lembah Pakchan dan Trang-Setol) adalah pendek dan sempit. Semua sungai dan lembah ini berada dalam negeri Thailand (Siam) sekarang. Ke selatan lagi ialah Sungai Kedah, Muda, Krian dan juga Sungai Kurau. Semua sungai ini mengalir ke Selat Melaka. Sungai Kedah dan Muda di sebelah utara Pulau Pinang mengalir dari Banjaran Kedah-Singgora. Manakala Sungai Kerian dan Kurau pula mengalir di sebelah selatan Pulau Pinang dari Banjaran Bintang. Bagi kawasan ini lembahnya lebih

luas dan panjang jika dibanding dengan kawasan di atas.

Bagi lembah dan sungai di Perak tercipta daripada banjaran yang melintangi Semenanjung Tanah Melayu dari Kedah ke Kelantan. Banyak anak-anak sungai mengalir turun dari Banjaran Tiitiwangsa di sebelah timur dan Banjaran Bintang di sebelah barat masuk ke Sungai Perak. Inilah yang telah menciptakan Lembahan Sungai Perak dengan anak-anaknya. Secara umum Sungai Perak dan Lembahnya terbentuk mengikut arah utara ke selatan. Anak-anak sungai Perak yang tercipta dari Banjaran Bintang ialah (dari hulu), Sungai Belom, Tiang, Sengo, Temengor, Luat, Pelus, Kinta dan Bidor/Batang Padang. Sungai-sungai ini mengalir dari timur ke barat. Dari Banjaran Keledang pula yang kedudukannya antara daerah Kinta dengan Kuala Kangsar, terbentuk pula sungai-sungai (dari hulu) Karai, Enggor, Sayong, Menora, Senggang, Bekor, Tepus dan Parit. Semuanya menjadi anak Sungai Perak di kawasan Kuala Kangsar dan mengalir dari barat ke timur.

Banjaran Bintang pula menghasilkan anak-anak sungai yang mengalir dari timur ke barat sebelum masuk ke Sungai Perak ialah (dari hulu) Sungai Rui, Kenerong, Kenering, Lenggong, Tempan, Raban, Kuak, Jenalik, Biong, Temong, Chepias, Kangsar, Kenas, Jeliang/Guar, dan Piol dalam arah timur ke barat. Sungai-sungai yang terus mengalir ke laut ialah (dari utara) Sungai Kerian, Kurau, Selinsing, Larut, Terong, Beruas dan Dinding. Dari anak-anak sungai tadi terciptalah juga lembah lembah sama ada di tepi sungai

Peta 2.4. Sungai-Sungai Dan Banjaran Utama Di Perak



Sumber: ANM Ubahsuai Peta Perak dan Jalannya 1876.

Peta 2.5. Bentuk Fisikal Dan Petempatan Di Hilir Kelantan



Sumber: Ubahsuai dari W.A.Gram: Kelantan

Chenak (Khlong Na Thap), Singgora, Ligor (Khlong Cha Uat), Surat Thani (Mae Nam Ta Pi dan Khlong Phum Dung), Chaiya, Lang Suan, Sawi dan juga Chumphon. Kesemua sungai-sungai tadi mengalir turun dari Banjaran Singgora-Kedah, Nakawan dan Banjaran Bilauktaung.

Sungai-sungai di pantai timur Segenting Kra mengalir turun dari arah barat daya ke timur laut. Sungai Kelantan, Golok, Tanjung Emas, Teluban dan Patani berpunca dari banjaran yang menghubungkan Kedah dengan Kelantan. Manakala Sungai Tiba, Chenak dan Singgora mengalir dari Banjaran Kedah-Singgora. Sungai Ligor berpunca dari Banjaran Nakawan. Sungai Surat Thani, berpunca dari Banjaran Nakawan mengalir masuk Sungai Mae Nam Ta Pi yang mengalir arah selatan ke utara. Sungai Khlong Phum Duang berpunca dari Banjaran Bilauktaung mengalir arah barat ke timur. Kedua-dua anak sungai yang telah wujud dari banjaran ini telah dapat membentuk satu lembahan yang luas di kawasan ini. Lain-lain Sungai Chaiya, Lang Suan, Sawi dan Chumphon mengalir dari Banjaran Bilauktaung dari arah barat menuju ke timur. Sungai dan lembahan serta banjaran yang dibincangkan menjadi kawasan-kawasan dalam pemerintahan sesebuah kerajaan Melayu di Segenting Kra. Sungai-sungai ini berfungsi sebagai jalan laluan dan pengangkutan sumber dan hasil keluar masuk.

Pulau-pulau yang terdapat di pantai barat ialah (dari selatan) Pulau Sembilan, Pulau Pangkor, Pulau Pinang, Langkawi, Terutau dan

Adang, Pulau Panjang dan Telibong, Pulau Ujong Salang dan Pulau Dua dekat Victoria Point, tenggara Burma. Pulau-pulau ini merupakan rangkaian pulau utama yang di kelilingi oleh pulau-pulau kecil. Di antara rangkaian pulau-pulau utama ini terdapat juga pulau-pulau kecil yang lain. Misalnya di antara Pulau Pinang dengan Langkawi terdapat Pulau Empat Beradik (pulau Bidan, Telor, Songsang dan Bunting), Pulau Segantang, Pulau Paya, dan Lembu. Pulau-pulau utama ini penting kepada kerajaan Melayu di Segenting Kra kerana mempunyai hasil yang berpotensi di pulau dan juga laut sekelilingnya. Di samping itu ia berpenduduk dan dijadikan tempat persinggahan untuk perlindungan angin, mengambil bekalan air dan kayu api.⁹ Rangkaian kepulauan Langkawi-Terutau mempunyai tidak kurang dari 10 buah pulau kecil di sekitarnya seperti Pulau Dayang Bunting, Tuba, Singa Besar, Timun, Langun, Latang, Betong, Rawi dan Tangga. Empat buah yang terakhir terdapat di sekitar Pulau Terutau dan yang lainnya di sekitar Pulau Langkawi.

Di sebelah pantai timur, terdapat satu pulau utama iaitu kepulauan Samui dekat dengan Tanjung Surat Thani. Di samping itu terdapat beberapa pulau kecil di sekitar pantai Lang Suan ke Chumphon. Satu keistimewaan di sebelah pantai timur ialah terdapatnya tasik- tasik besar di kawasan Singgora ke Patthalung (Mardelong). Tasik ini menganjur dari selatan ke utara dan merapat ke tepi pantai. Berhampiran Singgora dikenali Tasik Singgora atau Thale Sap Songkhla dan yang hampir dengan Patthalung

dikenali Tasik Luang atau Thale Luang. Tasik ini mempunyai ukuran 2 batu lebar dan 30 batu panjang. Pulau dan juga tasik ini mempunyai sumber yang membawa hasil kepada sesebuah kerajaan. Hasil-hasil inilah yang menjadi pengikat kepada perhubungan mereka melalui perdagangan yang akan dijalankan. Dalam masa yang sama juga pulau-pulau boleh menjadi tempat untuk perluasan kawasan atau wilayah.

Dari segi nilai keadaan fizikal yang sedemikian rupa (berbanjaran tinggi, berlembah yang luas, sungai yang panjang dan banyak anak anaknya serta berpulau-pulau) banyak memberi manfaat dan keuntungan kepada sesebuah kerajaan. Dari banjaran banjaran ini terdapat hasil bumi seperti bijih, tembaga dan emas, hasil hutan dan gajahnya. Kawasan lembahan dan tepi pantai menjadi kawasan pertanian dan juga petempatan. Sungai-sungai menjadi sumber laluan dan pengangkutan untuk kegunaan tempatan dan perdagangan. Laut dan pulau tidak kurang juga sumbangan kepada sumber hasil dan untuk petempatan dan pertahanan. Ciri-ciri fizikal ini berkesan dari keadaan ini telah menjadikan Kedah, Perak dan Kelantan-Patani penting kepada perdagangan pesisir dan antarabangsa sejak dahulu lagi.¹⁰

Gambaran seterusnya ialah perbincangan mengenai kerajaan-kerajaan di atas dan pembukaan wilayah-wilayahnya, penduduk dan pertempatan, hasil bumi, hasil hutan, hasil laut dan kegiatan ekonomi, perdagangan dan laluannya. Apa yang akan diutarakan ialah bagaimana

ketiga-tiga kerajaan yang mempunyai nilai tradisi dan pengaruh yang berbeza dapat bekerjasama dan saling bantu-membantu dalam menguasai perdagangan di Segenting Kra. Gambaran ini diperjelaskan secara terperinci bagi kerajaan Kedah. Manakala bagi kerajaan Perak dan Kelantan-Patani, perbincangan akan dibuat secara perbandingan sahaja berdasarkan ciri-ciri persamaan mereka.

2.2 KERAJAAN KEDAH

2.2.1 SISTEM PEMERINTAHAN

Kerajaan Kedah yang wujud pada hari ini merupakan sebuah Kerajaan Melayu tertua di Semenanjung Melayu. Sistem beraja yang diamalkannya tidak pernah terputus dalam susur-galur keturunan. Sehingga hari ini seramai 27 orang Sultan telah menduduki tahta¹¹. Dalam perbincangan ini istilah Raja menggambarkan pemerintahan sebelum Islam. Manakala Sultan ialah dalam pemerintahan Islam sampai sekarang. Sistem pemerintahan kerajaan bercorak Islam bermula dari pemerintah ke sembilan Seri Paduka Maharaja Derbar Raja. Setelah memeluk agama Islam pada Tahun Masihi 1139, baginda bergelar Sultan Al Mudzaffar Shah I (1136-1179). Baginda berketurunan Maharaja Derbar Raja yang berasal dari Farsi¹². Secara umumnya kerajaan ini, sebagaimana kerajaan Melayu lain mempunyai dua kelas masyarakat ia-itu **pemerintah** dan **rakyat**.

Bagi kelas pemerintah, ia diketuai oleh seorang Raja yang kemudiannya bergelar Sultan. Baginda dibantu oleh kerabat terdekat. Mereka

ini terdiri daripada isteri, (isteri-isteri termasuk gundik-gundik), anak-anak sultan dan adik beradiknya termasuk juga bapa saudara. Bersama-sama kerabat dalam pemerintahan ialah pembesar-pembesar yang dilantik oleh sultan. Ada dua kumpulan pembesar, iaitu yang berkhidmat di sekeliling sultan yang memerintah di pusat. Sementara kumpulan kedua ialah yang berkhidmat di kawasan petempatan. Kedua-dua kumpulan pembesar ini adalah lantikan dari pemerintah. Jawatan mereka pada lazimnya bercorak keturunan. Bagaimanapun tidak pula menjadi halangan bagi pemerintah untuk melantik orang lain mengganti atau mengisi kekosongan sesuatu jawatan. Lebih-lebih lagi pada zaman permulaan dan perkeembangan kawasan, yang memerlukan kesetiaan ramai pembesar di kawasan-kawasan petempatan baru.¹³

Bagi golongan rakyat pula terdiri daripada rakyat bebas dan golongan hamba. Rakyat bebas terdiri daripada kalangan yang boleh mencorak kehidupan sendiri tanpa ikatan dengan pembesar selain daripada ikatan cukai, ufti dan perkhidmatan tenaga. Mereka boleh membuka dan memiliki tanah. Boleh berniaga dan memegang jawatan tertentu mengikut kepandaian masing-masing yang diistilahkan sebagai "utas, tukang atau pandai". Umpamanya tukang senjata, tukang perahu, tukang emas, perak, tukang rumah, pemain muzik/nobat dan sebagainya. Dalam kumpulan ini juga lahirnya orang kaya atau berharta dan ahli-ahli agama.

Golongan hamba merupakan orang naungan pembesar atau

orang kaya yang terikat disebabkan gagal menjelaskan hutang atau pun keturunannya gagal membayar hutang. Ia juga boleh berlaku kerana penyerahan diri kepada pemerintah bagi mengelakkan daripada hukuman kerana telah melakukan jenayah dan sebagainya. Jangka masa menjadi hamba ini tertakluk kepada jumlah hutang atau berat ringannya hukuman yang dikenakan.¹⁴

Sebelum wujud sistem berkerajaan, di Kedah telah pun wujud ketua-ketua tempatan dengan berbagai gelaran antaranya seperti Tan Dermadewa, Tun Perkasa dan lain-lain. Secara umum ketua-ketua tempatan ini dikenali sebagai Ketua Kampong atau Penghulu yang pada asalnya memakai gelaran Sang atau Tan. Terdapat juga kepimpinan bercorak keagamaan seperti Tok Imam dan kepimpinan kemasyarakatan seperti bomoh, guru silat dan lain-lain. Mereka inilah pentadbir di kawasan petempatan masing-masing. Rakyat jelata menjadi petugas kepada pembesar tempatan dan juga kerabat raja. Keupayaan pembesar tempatan menguasai golongan rakyat dapat menjamin kekuasaan mereka terhadap petempatan dan wilayah.¹⁵

Setelah wujudnya sistem berkerajaan dengan pemerintah yang pertama Maharaja Derbar Raja barulah wujud pusat pemerintahan dan juga jawatan-jawatan Menteri dan Hulubalang Pahlawan. Catatan tradisional menyatakan bermula pada tahun 630 masihi, Menteri Keempat telah dilantik daripada kalangan Tan Dermadewa. Menteri Kelapan dari kalangan Tun

Perkasa. Sementara Menteri Enam Belas pula daripada ketua-ketua lain. Ini sebagai ganjaran kepada perakuan, penghormatan dan kesetiaan mereka. Jawatan-jawatan ini bagi menggantikan institusi-institusi yang wujud sebelum berkerajaan. Bagi jawatan Menteri Yang Pertama, diisikan oleh seorang daripada pengiring Maharaja Derbar Raja. Pengikut-pengikut baginda yang lain mengisi kekosongan jawatan Tan Dermadewa dan Tun Perkasa.¹⁶

Melihat kepada jawatan-jawatan dalam sistem kerajaan di atas, kelihatan Menteri Yang Pertama, Menteri Keempat dan Hulubalang Pahlawan sentiasa berada di sekeliling raja. Manakala Menteri Kelapan dan Keenam belas akan bertempat di kawasan petempatan bersama-sama ketua tempatan. Berasaskan kepada konsep buka kawasan dan anugerah, semua kerabat dan pembesar akan beroleh tempat atau kawasan masing-masing. Bagaimanapun ramai pula dari kalangan kerabat dan pembesar, yang akan menganugerahkan sebahagian atau keseluruhan kawasan yang mereka terima kepada pembesar-pembesar yang kedudukannya lebih rendah atau ketua-ketua tempatan untuk ditadbir. Menteri Yang Pertama dan Keempat biasanya sentiasa bersama-sama raja kerana kedudukan dan tugas mereka. Daripada penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa Raja Kedah yang pertama telah membentuk sebuah kerajaan yang lengkap dengan hierarki pembesar di pusat dan juga penempatan.

Dalam proses perkembangan kerajaan Kedah, kota yang menjadi

pusat pemerintahannya dari masa ke semasa sentiasa berubah-ubah. Raja pertama Maharaja Derbar Raja berkota di Kota Langkasuka, di mukim Sok, dalam Daerah Sik. Apabila raja kedua iaitu Maharaja Di Raja Putera, mengambil alih tampok pemerintahan, kota pentadbiran telah berpindah ke Kota Bandar. Kota Bandar terletak di mukim Siong dalam Daerah Baling. Kota ini terletak di selatan dari mukim Sok tetapi masih berada di kawasan pendalaman timur Kedah. Perpindahan ke lokasi baru ini diikuti bersama oleh para menteri dan pembesar-pembesar yang lain. Bagi Kota Langkasuka di Sok yang ditinggalkan, pentadbiran petempatan terus diurustadbirkan oleh pembesar-pembesar yang dilantik. Selain daripada Kota Bandar, baginda juga membuka kawasan lain seperti Sidim, dalam daerah Kulim di tenggara Kedah. Perpindahan dan pembukaan kota ini, telah menjadi asas kepada pembukaan kawasan dan juga perkembangan wilayah sesebuah kerajaan.

Perkembangan kawasan dan kota-kota telah menarik ramai orang luar dan penduduk tempatan membuka kawasan petempatan. Perpidahan kota dan pembukaan kawasan baru terus berlaku bagi setiap kali bertukar pemerintah. Bagaimanapun dari segi hierarki kekerabatan dan sistem pembesarnya tidak berapa jelas sehingga hal kewujudan pemerintahan bercorak Islam. Sultan Al Muzaffar Shah umpamanya telah melantik putera-puteranya bagi menjawat jawatan-jawatan pembesar dan mereka masing-masing telah dianugerahkan dengan kawasan pentadbiran. Putera sulung iaitu Tunku

Muazzam, bakal sultan, diberi kawasan memerintah Kota Palas, dalam Mukim Wang Tepus (Daerah Kubang Pasu hari ini). Sementara itu putera yang tengah, Tunku Sulaiman diberi pangkat Raja Laksamana bergelar Tunku Seri Paduka Raja Laksamana memerintah Pulau Langkawi dan lain-lain pulau sampai ke Kuala Perai di pesisir pantai Selat Melaka. Putera bongsu, Tunku Mahmud diberi pangkat Raja Muda memerintah Kota Ulu, di Mukim Padang Terap sebelah pendalaman timur Kedah. Ketiga-tiga putera tersebut bertanggungjawab untuk melindungi Kedah daripada serangan musuh. Sultan Muazzam Shah (1179-1201), sultan kedua yang menggantikan Sultan Al Muzaffar Shah telah menganugerahkan Kota Palas beserta kawasan-kawsannya kepada Dato' Lela Pahlawan dan Panglima Jaya untuk ditadbir. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, pembukaan kawasan baru dan amalan penganugerahan kawasan telah memperkembangkan kawasan dan wilayah sesebuah kerajaan. Dengan berlakunya demikian secara langsung telah menambah bilangan pemerintah dan kekerabatannya. Walaupun sultan dan pusat pemerintahan serta luas kawasannya berubah namun begitu kedaulatan kerajaannya tetap kekal.¹⁷

Untuk menjelaskan lagi mengenai perubahan pusat-pusat pemerintahan di Kedah, di bawah ini disenaraikan kota-kota yang terlibat dalam perkembangan kerajaan Kedah.¹⁸

a. **Kota Bukit Meriam** (1136-1236), di Bukit Meriam dalam

Daerah Kuala Muda, Kedah Selatan. Kota ini telah diiasaskan sejak zaman sebelum Islam lagi. Berada pada jarak beberapa batu sahaja dari pantai antara Kuala Muda dengan Kuala Merbuk. Sebahagian besar daripada kawasan ini merupakan kawasan sawah padi. Sultan pertama sehingga sultan ketiga bertahta di sini.

b. **Kota Sungai Emas**, (1236-1323), terletak di Kampong Sungai Emas, dalam Daerah Kuala Muda, Kedah Selatan. Ia telah dibina oleh sultan keempat, Sultan Muzzil Shah. Diduduki bersama oleh Sultan Mohammad Shah (1280-1321), sultan kelima. Kawasan ini merupakan kawasan tanaman padi dan lokasinya yang berhampiran dengan laut menjadikan kegiatan perikanan penting bagi penduduk kawasan ini.

C. **Kota Siputeh**, (1323-1626), terletak di Kampong Siputih, Padang Sera, Daerah Kubang Pasu, timur laut Kedah. Seramai tujuh orang sultan bertahta di kota ini yang bermula dari sultan keenam hingga sultan ke 12 (Sultan Ibrahim Shah 1321-1373 hingga Sultan Sulaiman Shah II 1602-1626). Kawasan ini juga merupakan kawasan tanaman padi. Sebatang sungai yang dikenali sebagai Sungai Perlis mengalir di kampong ini menuju ke Sungai Sanglang (Terusan Baru Sanglang).

d. **Kota Naga**, (1626-1654), terletak di Mukim Naga, ke utara Alor Setar, dalam Daerah Kubang Pasu, Kedah Tengah. Kota ini telah didiami oleh Sultan Rijaluddin Mohammad Shah (1626-1651) dan Sultan Muhyiddin Mansor Shah (1651-1661) sultan ketiga belas dan keempat belas. Kawasan ini juga merupakan kawasan tanaman padi.

e. **Kota Sena**, (1654-1664), terletak di Mukim Sena, Kangar, Perlis. Kota ini telah diasaskan oleh Sultan Muhyiddin dan kemudiannya diteruskan sementara oleh Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I (1661-1687) sultan kelima belas. Kawasan ini juga merupakan kawasan pertanian padi.

f. **Kota Indera Kayangan**, (1664-1687), terletak di Kuala Perlis, Perlis. Kota ini tempat Sultan Dhiauddin bersemayam, sementara Raja Mudanya berkota di Bukit Pinang. Kota ini telah dibangunkan semula oleh Raja Muda Perlis dan Kedah, Tunku Dhiauddin pada zaman Sultan Abdullah Mukarram Shah (1778-1797), sultan kedua puluh. Kawasan ini juga merupakan kawasan pertanian.

g. **Kota Bukit Pinang**, (1687-1732), terletak di Kampong Bukit Pinang,, Daerah Alor Setar, Kedah Tengah. Seramai empat orang sultan bertahta di kota ini, bermula dari Sultan

Attaullah Mohammad Shah II (1687-1698) sultan keenam belas hingga sultan kesembilan belas, Sultan Mohammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II (1710-1778). Kawasan ini juga merupakan kawasan pertanian padi.

h. **Kota Setar (Anak Bukit)**, (1735 hingga sekarang), berada dalam Daerah Alor Setar, Kedah Tengah. Kota ini telah diasaskan oleh Sultan Mohammad Jiwa. Sehingga sekarang seramai sembilan orang sultan bertahta di sini (termasuk Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (1958). Pemangku Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II (1797-1804) tidak bertahta di sini. Baginda terus berkota di Kota Indera Kayangan tempatnya menjadi Raja Muda. Kawasan ini juga merupakan kawasan pertanian padi.

Pusat-pusat pemerintahan yang menjadi kota yang disenaraikan di atas, hampir keseluruhannya terletak di kawasan lembah-lembah sungai utama. Tempat-tempat inilah yang kemudiannya menjadi pusat pentadbiran atau pemerintahan wilayah Negeri Kedah. Batas perpindahan mereka adalah banjaran di sebelah timur. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa perpindahan kota-kota di atas hanya berada dalam lingkungan lima buah sungai di Kedah, iaitu dari sungai Perlis di utara ke sungai Kerian di selatan. Lembah-lembah sungai tersebut adalah luas dan amat sesuai dijadikan kawasan pertempatan

dan kegiatan ekonomi. Keletakan kota di kawasan lembah-lembah sungai bukan sahaja sesuai untuk dijadikan kawasan pertempatan dan kegiatan ekonomi, malah merupakan lokasi yang amat strategik dalam menguasai laluan jalan perdagangan.¹⁹

2.2.2. SISTEM SOSIAL

Pada asasnya penduduk Kedah terdiri daripada orang Melayu dan orang Asli. Mereka mendiami kawasan-kawasan di tepi-tepi sungai dan di kawasan lembah. Sementara itu sebahagian daripada mereka tinggal di tepi pantai dan di pulau-pulau. Mereka berpindah dan berkembang di kawasan sekeliling penempatan mereka, mengikut perkembangan kerajaan Kedah.²⁰

Pembukaan kawasan baru sama ada atas sebab kemajuan pertanian, pertahanan atau penemuan hasil, perkembangan dan kemajuan kota dan keadilan pemerintah telah menarik ramai penghijrah-penghijrah baru ke Kedah. Mereka terdiri daripada pelbagai suku bangsa dari gugusan Kepulauan Melayu. Umpamanya, dari pantai timur Sumatera ialah orang-orang Aceh dan Pasai. Sementara itu penghijrahan orang-orang Bugis bermula apabila anak Raja Bugis berkahwin dengan puteri Sultan Kedah. Selain daripada kawasan di atas, penghijrah juga turut datang dari kawasan Patani, Siam (Ligor) serta Burma (Pegu dan Tenasserim). Kesemua mereka ini bercampur atau membentuk masyarakat Melayu yang lebih besar, kecuali bagi orang-orang Siam. Orang-orang Siam membentuk masyarakat tersendiri yang

dikenali sebagai Sam Sam. Setelah perdagangan dengan dunia luar semakin meluas, masyarakat India dan Arab juga membentuk satu masyarakat baru bersama dengan orang Melayu. Mereka dikenali sebagai Jawi Pekan atau Orang Peranakan dan juga Melayu keturunan Arab.

Tempat tumpuan penghijrah-penghijrah baru ini adalah di persekitaran Kuala Muda dan Kuala Merbok. Ia merupakan pusat pentadbiran dan perdagangan. Bagi tempat-tempat lain terus diduduki oleh orang Melayu tempatan. Dilihat dari segi petempatan, didapati penghijrah dari Aceh, ramai bertumpu di daerah Yan di tepi pantai antara utara Gunung Jerai dengan Alor Setar.²¹ Selain itu mereka juga didapati di daerah Kuala Muda dan Kota Setar. Orang Sam Sam ramai di pedalaman Kedah terutama di kawasan Kubang Pasu dan Padang Terap di sebelah timur dan timur laut Kedah. Mereka juga didapati di kawasan pedalaman timur laut Perlis.²² Bagi orang Siam Asli, mereka terdapat ramai di Daerah Baling, Kulim dan Sanglang. Orang Patani pula kebanyakan mereka terdapat ramai di hulu dan kuala Sungai Muda serta kawasan Selama-Kulim. Bagi orang Arab dan India yang telah mengasimilasikan diri dengan orang Melayu, ramai kedapatan di kawasan kota dan pelabuhan. Jumlah penduduk yang ramai membolehkan Kedah berkembang maju, terutama dalam memperingat hasil perdagangannya.

Pekerjaan utama penduduk secara amnya adalah bertani dan menangkap ikan. Tanaman utama ialah tanaman padi sawah dan padi bukit.

Selain itu mereka juga menanam pokok buah-buahan. Semasa di luar musim padi, mereka akan ke hutan untuk mengutip hasil hutan seperti mencari lilin (wax) dan madu daripada sarang lebah, rotan, mencari bijih, dan ada masanya berburu gajah untuk pembesar dan kerabat. Bagi yang tinggal di tepi laut dan pulau-pulau, mereka terdiri daripada nelayan dan dalam masa-masa tertentu mereka mencari hasil-hasil dari gua-gua di pulau. Hasil daripada laut yang banyak didaratkan termasuklah ikan, gamat, tripang dan mutiara. Sementara itu hasil dari gua-gua di pulau pula, terdiri daripada baja tahi kelawar dan sarang burung. Dalam pada itu terdapat juga penduduk pulau yang mengusahakan tanaman padi dan lada, seperti yang kedapatan di Pulau Langkawi.

Secara khusus penduduk adalah tertumpu di persekitaran enam buah kota pada zaman sebelum pemerintahan Islam dan lima buah kota semasa pemerintahan Islam. Kawasan yang menjadi tumpuan penduduk ini merupakan kawasan yang kaya dengan hasil mahsul. Bagi bijih timah, berdasarkan keadaan hari ini banyak terdapat di kawasan hulu Sungai Perlis, Kubang Pasu, Padang Terap, Sik, Baling dan Kulim.²³ Tempat-tempat tersebut kesemuanya tertumpu di kawasan pedalaman, hulu sungai dan kawasan-kawasan banjaran. Dengan itu hasil bijih untuk Kota Indera Kayangan dan Kota Sena datang dari hulu Perlis. Kota Seputih, Naga dan Kota Setar mendapat hasil bijih dari Kubang Pasu dan Padang Terap. Manakala kota-kota awal di Sok dan Sik

serta Kuala Muda kemudiannya mendapat hasil dari daerah Sik, Baling, Kulim dan Kuala Muda sendiri. Begitu juga dengan hasil hutan dan gajah banyak terdapat di Kedah. Bagi hasil lilin (wax) dan madu lebah terdapat di Mukim Tualang, daerah Kota Setar. Bagi hasil laut pula banyak terdapat di persekitaran Pulau Langkawi.²⁴

Secara umum, corak petempatan penduduk adalah berjajar di tepi sungai dan di tepi pantai. Dalam pada itu didapati pertempatan berkelompok di kota-kota dan pertempatan berselerak di kawasan pertanian serta dekat dengan anak-anak sungai. Bilangan penduduk negeri Kedah sebelum kedatangan kuasa Barat tidak diketahui. Data awal yang ditemui daripada catatan Kapten Francis Light menyatakan penduduk Kedah semasa pembukaan Pulau Pinang dianggarkan berjumlah seramai 100,000 orang. Sementara itu Kapten Glass yang menjadi Pegawai Memeritah tentera di Pulau Pinang pada zaman Francis Light pula mencatatkan penduduk Kedah pada masa itu seramai 40,000 orang sahaja.²⁵

2.2.3. SISTEM EKONOMI

Secara umum hampir keseluruhan penduduk negeri Kedah mengamalkan ekonomi saradiri. Bagi memenuhi keperluan hidup, mereka mengamalkan sistem tukar barang. Penduduk di kawasan lembah bertukar-tukar barang dengan penduduk pantai dan begitu juga sebaliknya. Dalam urusan tukar barang, pemimpin penduduk setempat biasanya menjadi orang

tengah. Untuk mendapatkan keperluan yang tidak kedapatan pada penduduk tempatan, pertukaran barang adalah dengan negeri-negeri jiran atau dengan negeri yang lebih jauh. Biasanya barang yang diperlukan oleh penduduk Kedah terdiri daripada garam, tembakau, candu, pakaian, perhiasan, pinggan mangkok, senjata dan lain-lain. Bagi mendapatkan barang tersebut, hasil mahsul seperti keluaran pertanian, hasil hutan, hasil laut, bijih dan juga gajah dijadikan sebagai barang tukaran.²⁶

Hasil mahsul negeri Kedah mendapat permintaan di pasaran antarabangsa. Umpamanya pasaran di Benua China yang memerlukan banyak hasil mahsul dari laut seperti tripang, sirip jerung, mutiara dan kulit penyu. Sementara itu pasaran di India pula memerlukan hasil hutan, gajah dan bijih. Untuk mendapatkan hasil mahsul tersebut, Kedah telah berkembang ke arah pedalaman dan utara. Perkembangan ini berterusan dan terhenti apabila bertembung dengan negeri-negeri jiran di sekitarnya. Bagi memastikan pengawalan bekalan hasil mahsul yang berterusan kerajaan Kedah telah menguasai sepenuhnya laluan perdagangan yang melibatkan negerinya, iaitu laluan darat, sungai dan laut.

Perdagangan antarabangsa memerlukan pelabuhan entrepot yang sesuai untuk persinggahan tongkang dan kapal-kapal besar. Pelabuhan di Kedah pada setiap kali berubah kota mampu menyediakannya, sama ada di Kuala Muda-Merbuk, Kuala Kedah mahupun di Kuala Perlis. Bagi hasil

mahsul dari kawasan pendalaman atau dari utara dan selatan adalah di bawah pengawasan Kedah. Umpamanya, hasil bijih dari Kedah datangnya dari Hulu Perak, Hulu Patani dan pendalaman Singgora-Ligor. Ini memberangsangkan Kedah menguasai laluan laut di tepi pantai, laluan sungai dan laluan darat (bergajah) dari pedalaman.

Kedah tidak sahaja berdagang di kawasan tempatan tetapi ke serata tempat di Asia Tenggara dan juga Asia Selatan. Keagungan Kedah dengan pelabuhan entrepotnya adalah sebagai penyambung peranan Melaka pada zaman Portugis dan Belanda bagi kawasan pantai barat. Bagaimanapun keagungan ini berakhir setelah Inggeris membuka Pulau Pinang.²⁷

2.3. KERAJAAN PERAK

2.3.1. SISTEM PEMERINTAHAN

Hari ini Perak merupakan negeri kedua tertua setelah Kedah, mengamalkan sistem pemerintahan beraja. Pemerintahnya berasal daripada keturunan Raja Melayu Melaka. Terdapat seramai tiga puluh empat orang sultan telah bertahta di Perak.²⁸ Seperti di Kedah, sebelum ketibaan sultan yang pertama, Sultan Muzaffar Shah I (1528-1549), Perak juga mengalami zaman kekosongan tanpa pemerintahan berpusat. Pembesar-pembesar tempatan hanya memerintah di daerah masing-masing, antaranya Tun Saban memerintah di Hulu Perak, Tok Masuka dengan pembantunya Nakhoda Kassim memerintah di daerah Selinsing-Larut. Daerah Kinta (Perak Timur)

di bawah perintah Maharaja Kinta. Demikian juga halnya dengan Daerah Hilir Perak (kuala Sungai Perak). Ia juga ada seorang pemerintah. Pembesar-pembesar inilah yang telah bermuafakat untuk mendapatkan seorang daripada anak Sultan Mahmud Melaka di Kampar, Sumatera bagi dijadikan Sultan Perak. Apa yang berbeza dengan Kedah, Perak tidak mempunyai kerajaan sebelum Islam secara bersambungan dalam satu keturunan. Di Perak, pemerintahan sebelum Islamnya berbentuk kerajaan yang berkuasa di petempatan-petempatan dan ianya telah pupus.

Terdapat tiga buah kerajaan petempatan yang dikenal pasti. Ketiga-tiganya ialah Kerajaan Gangga Negara, Kerajaan Beruas dan Kerajaan Manjung. Kerajaan Gangga Negara dipercayai yang tertua sekali. Wujud pada anggaran abad kedua hingga keenam. Bertempat di kawasan Bukit Segari tepi tebing Sungai Dinding, dalam Daerah Manjung hari ini. Dua buah kerajaan kemudiannya, Kerajaan Beruas dipercayai bertempat di Kampong Kota, kira-kira dua batu ke selatan pekan Beruas dalam perjalanan dari Bruas ke Manjung. Manakala Kerajaan Manjung pula bertempat di kawasan yang sama dengan Kerajaan Gangga Negara. Kedua-dua kerajaan ini wujud pada zaman akhir pemerintahan Kesultanan Melaka. Dengan bantuan Melaka, Beruas berjaya mengalahkan Manjung yang mengancamnya. Kerajaan-kerajaan ini juga berakhir setelah kejatuhan Melaka. Ia telah diganti dengan pemerintahan pembesar-pembesar yang juga terletak di petempatan.²⁹

Raja Muzaffar tiba ke Perak dan memilih Tanah Abang (Tanah Merah) sebagai pusat pemerintahannya. Baginda ditabalkan dan bergelar Sultan Muzaffar Shah I pada tahun 1528. Tanah Abang terletak di tebing kanan Sungai Perak di kawasan Air Mati, berhampiran Kampong Teluk Bakong, Mukim Lambor Kanan, Parit, daerah Perak Tengah. Pemilihan tempat ini sebagai pusat pemerintahan kerana kedudukan Tanah Abang berada di tengah-tengah kawasan sekitarnya: Hulu Perak di hulu, Selinsing-Larut di utara, Beruas-Manjung di barat, Kinta di timur dan laluan masuk dari kuala di selatan. Dengan itu Tanah Abang menjadi pusat untuk menguasai seluruh Perak di samping peranan Sungai Perak itu sendiri sebagai penjalin dan penghubung.

Seperti kerajaan beraja Kedah, Perak juga mempunyai hierarki pemerintahannya yang tersendiri. Oleh kerana sejarah awalnya sehingga tahun 1700 Perak juga banyak menerima tekanan dan pengawasan daripada Acheh, maka susun atur politiknya juga telah terpengaruh dan bercampur-aduk antara Melaka dengan Acheh. Pada peringkat awal sehingga kepada Sultan kesebelas, Sultan Mahmud Iskandar Shah (1653-1720), sistem kekerabatan dan pembesar tidak begitu jelas. Ini disebabkan keadaan di Perak yang sentiasa terancam dengan Portugis dan Acheh, serta beberapa masalah dalaman yang dihadapi. Dengan hal yang demikian bakal-bakal sultan pada peringkat awal tidak semestinya anak sulung lelaki. Kedapatan daripada kalangan adik, sepupu,

anak saudara, bapa saudara, cucu dan cucu saudara. Bagaimanapun secara ringkasnya kaum kerabat pada masa itu tetap berkisar pada Sultan, isteri (isteri-isteri dan gundik), anak-anak dan anak isteri sultan sebelumnya.³⁰

Kewujudan nama gelaran kerabat mula jelas pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain (1752-1770) sultan ke lima belas. Antara jawatan-jawatan kerabat yang terdapat ialah: Raja Muda, Raja Bendahara, Raja Di Hilir, Raja Di Hulu, Raja Di Darat, Raja Di Baroh, Raja Kecil Besar, Raja Kecil Sulong, Raja Kecil Tengah, Raja Kecil Muda, Raja Kecil Bongsu dan Raja Cik Muda. Daripada dua belas jawatan ini, hanya Raja Cik Muda tidak boleh menjadi bakal sultan kerana peranannya sebagai Pawang Raja. Untuk mengisi jawatan-jawatan di atas, mestilah keturunan sultan yang memerintah dan tiga sultan sebelumnya.

Bagi jawatan pembesar, Kerajaan Perak juga mempunyai jawatan yang hampir sama dengan Kedah tetapi dengan nama yang berlainan. Di Perak dikenali Orang Besar Empat, Orang Besar Lapan, Orang Besar Enam Belas dan Orang Besar Tiga Puluh Dua. Orang Besar Empat dan Lapan mempunyai pembantunya yang dikenali sebagai Toh Muda Orang Besar Empat dan Lapan. Di kalangan pembesar, ada yang berkhidmat di sekeliling sultan dan ada yang berkhidmat di petempatan. Bersama-sama sultan memerintah ialah Orang Besar Empat yang lama atau baru dilantik.³¹

Orang Besar Lapan berkhidmat di petempatan masing-masing.

Orang Kaya Laksamana (kemudiannya pada abad ke 19 ditambah gelaran Raja Mahkota) mentadbir di Kuala Perak dan kawasan pantai. Orang Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda mentadbir di Hulu Perak. Orang Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Di Raja di Kinta. Orang Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Di Raja di Bukit Gantang/Larut. Orang Kaya Shahbandar Paduka Indra di Hilir Perak, Orang Kaya Setia Bijaya Di Raja di Perak Tengah dan Orang Kaya Mahakurnia Indera Di Raja di Manjong/Beruas (Barat Daya Perak). Manakala Orang Kaya Iman Paduka Tuan banyak bersama Sultan. Jawatan ini sering bertukar ganti apabila berlaku pergantian sultan, namun begitu tempat kekuasaan tetap di tempat yang sama. Umpamanya, untuk jawatan Seri Adika Raja tetap di Hulu Perak dan tidak pernah bertukar tempat ke Kinta atau sebaliknya.

Bagi Orang Besar Enam Belas menjadi petugas menjunjung titah keadilan bagi pihak kerajaan di sebelah hulu, hilir, darat dan baruh serta teluk rantau negeri Perak. Manakala Orang Besar Tiga Puluh Dua, mereka menjadi juru kerah, menjaga dan melayan segala bentuk kehidupan dan agama rakyat di mana tempat mereka berkuasa.³² Orang Besar Lapan bersama-sama penolong dan pembesar yang lain di bawahnya yang memperkembangkan kawasan dalam wilayah masing-masing. Umpamanya, Seri Adika Raja memperluaskan wilayah ke Hulu sementara Dato' Panglima Bukit Gantang ke Kerian dan kawasan utaranya.

Apa yang berbeza diantara pembesar di Perak dengan di Kedah hanya pada nama gelarannya dan juga sistem pembahagian kawasan. Di Kedah, istilah Menteri digunakan, manakala di Perak pula menggunakan istilah Orang Besar. Namun dari segi jawatan dan fungsinya kepada kerajaan tetap sama. Berkhidmat setia kepada raja dan kerajaan. Dari segi pembahagian kawasan pentadiran atau lebih dikenali pegangan, Kerajaan Perak telah menetapkan kawasan tertentu untuk pembesar tertentu sahaja. Yang berubah hanya pemegang jawatan, tidak kawasannya. Ini disebabkan oleh bentuk muka bumi di Perak yang telah menghasilkan sungai dan anak-anak sungai yang memanjang bentuknya dan yang telah membahagikan kawasan pegangan pembesar mengikut kawasan sungai tersebut. Misalnya bagi jawatan Orang Kaya Laksemana, kawasan pegangannya di Kuala Sungai Perak dan kawasan hilir. Tempat ini kekal untuk jawatan tersebut. Bagi Kedah, Raja Laksamananya berkuasa ke atas kawasan di tepi pantai dan pulau-pulau. Manakala bagi jawatan pembesar yang dianugerahkan kawasan, Sultan Kedah berhak menganugerahkannya kepada sesiapa dan di mana jua dalam pemerintahannya. Tetapi tidak begitu di Perak. Sultan tidak boleh menukar kawasan Hulu Perak kepada Dato' Panglima Bukit Gantang yang berkuasa di Bukit Gantang-Larut. Kawasan ini adalah untuk jawatan Dato' Seri Adika Raja.³³

Hierarki seterusnya di dalam kerajaan Perak ialah rakyat jelata.

Status rakyat bebas dan hamba tidak jauh bezanya dengan apa yang terdapat di Kedah. Pentingnya rakyat jelata dan hamba sekali lagi dapat dilihat daripada perpindahan kota-kota dan pembukaan kawasan baru. Jika di Kedah telah bergerak ke merata kawasan, Perak hanya bergerak ke hulu atau hilir di sepanjang tepi kanan arah mudik Sungai Perak. Pusat utama ialah di sekitar Bota-Kampong Gajah di Perak Tengah, Teluk Intan di Hilir Perak dan Kuala Kangsar/Sayong daerah Hulu Perak.

Jika dilihat dari segi perpindahan kota-kota didapati, kawasan yang menjadi pilihan adalah seperti yang disenaraikan di bawah:³⁴

- a. **Tanah Abang**, kawasan Air Mati, dekat Kampong Telok Bakong, Mukim Lambor Kanan, daerah Parit, Perak Tengah. Seperti yang telah dijelaskan, ia merupakan pusat pemerintahan bagi sultan yang pertama (1528-1549). Sementara itu di Lambor Kanan sendiri menjadi pusat pemerintahan sultan kesepuluh (1636-1653).
- b. **Kota Lama Kanan**, Mukim Sayong, Daerah Kuala Kangsar, Hulu Perak. Ia merupakan pusat pemerintahan sultan kedua, (1549-1577) dan pusat pemerintahan sementara semasa berkrisis sultan ketiga belas (1742-1743)*.
- c. **Geronggong**, Mukim Pulau Tiga, daerah Parit, bahagian Hilir Perak. Pusat pemerintahan kepada enam orang sultan.

Mereka ialah sultan ke tiga (1577-1584), sultan kelapan (1627-1630), sultan kesembilan (1630-1635), sultan kesebelas (1653-1720), sultan kedua belas (1720-1728) dan sultan keempat belas (1742-1743).

d. **Pulau Semat**, Mukim Senggang, daerah Kuala Kangsar, Hulu Perak. Pusat pemerintahan sultan keempat (1584-1594) dan sultan ketujuh (1619-1627).

e. **Bota Kanan**, daerah Parit, Perah Tengah. Pusat pemerintahan sultan kelima, (1594-1603), sultan keenam (1594-1603), sultan ketiga belas (1728-1756)* dan menamakan tempat yang menjadi pusat pemerintahannya sebagai Berahman Indera. Di sini juga menjadi pusat pemerintahan sultan kelapan belas (1786-1806).


f. **Pulau Chempaka Sari (Indera Sakti)**, di Kuala Kinta, (sebelah hulu bandar Teluk Intan hari ini) daerah Hilir Perak. Pusat pemerintahan kepada sultan kelima belas (1756-1770). Pasir Pulai Indera Mulia dekat Pulau Chempaka Sari pusat pemerintahan sultan keenam belas (1770-1778) dan Rantau Panjang, dekat Pulau Chempaka Sari menjadi pusat pemerintahan sultan ketujuh belas (1778-1786).

Melihat kepada lokasi tempat-tempat yang menjadi kota atau

pusat pemerintahan, ternyata semua kota tersebut berada dalam kawasan pertanian padi dan tempat pengumpulan hasil bijih timah dari kawasan sekitarnya. Kawasan Lambor Kanan, Sayong, Pulau Tiga dan Bota Kanan mempunyai kawasan sawah padi yang luas. Di samping itu ia menjadi tempat pengumpul bijih dari kawasan sekitarnya. Bagi Pulau Semat dan Pulau Chempaka Sari menjadi pengawal kepada kuala sungai yang banyak mengeluar bijih dari kawasan sekitar di samping hasil yang melalui sungai Perak sendiri. Umpamanya, Pulau Semat dapat mengawal Kuala Piol, Seberang Manong, Senggang dan Kuala Bekor yang menghasilkan bijih dari Banjaran Bintang dan Keledang. Pulau Indera Sakti pula mengawal sungai Kinta dan Batang Padang.

Daripada pengamatan terhadap lokasi kota dan jumlah pemerintah yang menduduki sesebuah kawasan kota, berlaku penyambungan jenerasi menduduki sesebuah kawasan tersebut bagi Kerajaan Kedah. Hal ini tidak pula berlaku di Perak. Sering bertukar kawasan setelah perlantikan sultan baru mengikut tempat pemerintahan sebelum menjadi sultan (Raja Muda) ataupun berpindah ke kawasan baru. Jika berpandukan penulisan tradisional Misa Melayu, perpindahan istana dan kota ini perlu untuk menjauhkan daripada suasana sedih kerana kemangkatan dan supaya majlis-majlis semasa pertabalan kemudiannya tidak terganggu.³⁵ Tempat yang mendapat perhatian sultan-sultan Perak ialah di Geronggong, seramai enam orang sultan berkota di sini. Mereka ialah sultan ketiga, kelapan, kesembilan, kesebelas, kedua

Peta 2.6. Kota-Kota Dan Petempatan Di Tepi Sungai Perak



Sumber: B.W.Andaya, Abode of Grace (UBAHSUAI)

belas dan keempat belas. Demikian juga di tempat lain tidak berlaku penerusan menduduki sesebuah kota.

Rakyat jelata terlibat dalam penghijrahan dari kota ke kota, kerana tenaga mereka diperlukan dalam kerja-kerja pembinaan. Dalam hal ini pembesar akan mengerahkan tenaga anak-anak buahnya bagi tujuan tersebut. Selain itu penghijrahan penduduk juga berlaku disebabkan tertarik dengan kemajuan dan kemakmuran sesebuah kota. Pembukaan kawasan baru oleh kerana penemuan hasil galian dan sebagainya juga menjadi sebab berlakunya penghijrahan penduduk. Penduduk Hulu Perak di sekitar Kuala Kangsar membuka kawasan Hulu Pelus (kawasan Salak, Sungai Siput Utara dan Jalong/Lasah) hari ini kerana banyaknya hasil bijih dari Banjaran Keledang dan Bintang. Mereka juga bergerak ke hulu lagi di Kota Tempan (Lengong), kawasan Kenering, Bukit Merah (Janing), Kenderong, Temengor, Kerunai, Kubu Kapih, di kawasan Grik-Kroh kerana penerokaan hasil bijih dan juga mencari gajah. Mereka terdiri daripada anak buah Dato' Seri Adika Raja. Begitu juga dengan pembukaan kawasan Larut, Matang, Selama, Kurau dan Kerian oleh Dato' Pangliama Bukit Gantang. Beliau membawa anak buahnya dari kawasan Bukit Gantang-Terong ke kawasan tersebut. Demikianlah seterusnya ke kawasan lain di Kinta, Batang Padang atau Hilir Perak. Pembukaan menjadi lebih rancak dan meluas lagi dengan kedatangan penghijrah dan pedagang dari luar.³⁶

2.3.2. SISTEM SOSIAL

Hierarki kemasyarakatan dan perkerjaan penduduk negeri Perak tidak banyak berbeza dengan di Kedah. Lembah Sungai Perak tidak menyediakan kawasan pertanian yang luas. Namun begitu setiap kampung di sepanjang tepi sungai dan anak-anaknya mampu menyediakan keperluan makanan sendiri. Bagaimanapun oleh kerana keperluan yang meningkat, kawasan tanaman yang terhad dan sering pula berlaku peperangan, maka hasil beras tidak mencukupi di Perak. Walau bagaimanapun ini tidak menghalang penduduk daripada menerokai pekerjaan lain selepas mengerjakan sawah. Kawasan Hulu Perak yang lebih jauh dari Kuala Kangsar dan Lenggong diteroka kerana bijihnya, di samping mencari gajah. Untuk tujuan ini mereka telah membuka kawasan sehingga ke Ulu Kenderong, Krunai dan Ulu Rui.³⁷

Bagi perkembangan petempatan penduduk, di Kedah mereka mengikut perpindahan kota dan juga kerana pembukaan kawasan untuk tujuan pertahanan ataupun kerana penemuan hasil mahsul. Oleh kerana proses penejarahannya panjang dan penyibarannya mengikut banyak lembah sungai, maka pengembangannya juga meluas ke merata kawasan. Hal ini kurang terlihat di Perak kerana perkembangannya lewat dan lebih tertumpu di tepi Sungai Perak sahaja. Maka kelihatanlah banyak perkembangan ke hulu berbanding ke kawasan lain. Pada peringkat kemudiannyaalah baru memperlihatkan perkembangan ke tepi laut di kawasn Larut-Kerian dan juga pedalaman Kinta-

Batang Padang. Faktor penghijrah dari luar juga mempercepatkan proses pengembangan kawasan baru. Mereka menerokai aktiviti pertanian dan juga mencari hasil tambahan dari sumber galian dan juga hutan. Dengan ini banyaklah kawasan pinggir di luar dari tebing Sungai Perak terbuka.

Bagi kawasan Bukit Gantang telah berkembang hingga ke Larut, Kurau dan Kerian malahan sampai ke Batu Kawan di Seberang Prai. Penduduk menerokai kawasan-kawasan tersebut untuk mendapatkan bijih timah. Kawasan Kinta pula telah berkembang di sepanjang Sungai Kinta dari kuala hingga ke hulu. Oleh kerana sungai ini panjang dan banyak anak-anak sungainya, meluaskan lagi penyebaran penduduk kerana menerokai kawasan pertanian dan juga hasil galian, ia itu bijih timah. Kawasan-kawasan seperti Teja/Gopeng dan Kampar turut terbuka.

Para penghijrah dari luar Perak turut sama memajukan sektor pertanian di negeri itu. Pendatang dari Patani telah masuk ke Hulu Perak dan Hulu Selama bagi mendapatkan bijih timah dan juga menjalankan kegiatan pertanian padi sawah dan padi bukit. Begitu juga dengan orang-orang Melayu Kedah yang masuk ke Kerian dengan tujuan yang sama. Selain daripada itu penduduk dari gugusan kepulauan Melayu seperti Sumatera, Jawa, Kalimantan dan Bugis turut juga berhijrah ke negeri Perak.³⁸ Orang-orang dari Batu Bara telah menetap di petempatan-petempatan tepi pantai di Dinding/Beruas. Sementara itu orang-orang dari Jawa dan Banjarmasin menetap di kawasan

Hilir Perak dan kualanya. Suku Rawa dan Mandehiling pula menetap di Gopeng/Teja (Kinta), Kuala Selama.³⁹ Orang-orang Kampar pula menetap di Batang Padang (Bidor) dan Bugis di tepi Sungai Perak. Selain daripada Kepulauan Melayu, negeri Perak juga didatangi oleh penghijrah-penghijrah dari India dan Arab yang hampir keseluruhan mereka merupakan pedagang dan guru agama.⁴⁰

Satu lagi suku kaum yang tidak kurang pentingnya dalam membentuk masyarakat di Perak ialah orang-orang Cina. Bijih timah merupakan faktor pendorong utama kemasukan orang Cina beramai-ramai ke Perak, khususnya di Lembah Kinta dan Sungkai-Ulu Slim pada tahun 1760an dan kemudiannya di Hulu Larut pada tahun 1795.⁴¹

Dari segi perangkaannya, tidak ada gambaran yang jelas tentang jumlah penduduk dalam jangkamasa kajian ini. Apa yang ditulis oleh penulis-penulis barat pada abad ke-19 memperlihatkan kepelbagaian dari segi jumlahnya. Hal ini tidak menghairakan kerana Kerajaan Perak tidak terkenal sebagaimana Kedah yang mempunyai pelabuhan. Hubungan dengan dunia luar bergantung pada pelabuhan dan bukan daripada mana hasil itu datang. Ini yang berlaku di Perak. Banyak hasil bijih tetapi dibawa keluar melalui pelbagai pelabuhan di negeri lain seperti Kedah, Melaka dan Acheh.⁴²

2.3.3 SISTEM EKONOMI

Corak ekonomi dan sistem sosial sangat berkait rapat. Penduduk yang tinggal di kampung-kampung sama ada di tepi sungai Perak, di hulu, pedalaman atau di Lembah Kurau/Kerian kesemuanya mengusahakan penanaman padi sawah atau padi huma. Sebahagian besar hasil tanaman padi digunakan untuk keperluan sendiri. Dalam pada itu negeri Perak dapat menghasilkan lebihan padi untuk disalurkan kepada pekerja-pekerja lombong, di mana mereka tidak terlibat langsung dalam aktiviti pertanian. Pada peringkat awal, pencarian bijih timah dilakukan oleh orang-orang Melayu tempatan. Mereka mencari bijih di luar musim padi. Kawasan sasaran carian tertumpu di Hulu Perak, Hulu Selama/Kerian, Hulu Terong dan Beruas serta kawasan pedalaman dan perkampungan di sepanjang Sungai Perak.⁴³

Hasil bijih timah telah menjadikan Perak terkenal. Tukaran hasil bijih dengan barang lain menyebabkan berlakunya perhubungan dagang antara Perak dengan kerajaan-kerajaan lain. Pada zaman kerajaan Melaka, bijih dari Perak di bawa ke Melaka untuk pasaran antarabangsa. Sama seperti Kedah, Perak pula membawa barang luar yang diperlukan termasuklah bahan-bahan makanan dari Melaka. Pada zaman Portugis, hasil bijih ini didagangkan ke Aceh, Kedah dan juga kepada pedagang dari China dan India.⁴⁴

Kehadiran Syarikat Hindia Timor Belanda (Verenigde

Oostindische Compagnie-VOC) ke perairan Selat Melaka pada awal abad ke 17 membuka peluang perdagangan bijih timah dan hasil lain dari Perak. Secara tidak langsung Perak berdagang dengan Belanda. Kejatuhan Portugis di Melaka pada tahun 1641 menambah ruang Belanda untuk menguasai pasaran bijih timah Perak. Meskipun begitu, hasil bijih timah dari Perak tidak seratus peratus sampai ke Melaka. Banyak daripada hasil ini dipasarkan ke tempat lain yang menawarkan harga yang lebih baik. Oleh itu, Acheh, India, China, Kedah dan pedagang pesisir terus mendapat bahagian daripada perdagangan bijih dari Perak.⁴⁵

Berhubung soal perdagangan, khususnya bijih timah secara rasmi Kerajaan Perak telah mengikat beberapa perjanjian dengan kuasa luar, seperti dengan Belanda dan Acheh. Bagaimanapun oleh kerana banyak jalan laluan keluar ke Selat Melaka, menyebabkan pembesar-pembesar daerah hampir bebas dari ikatan perjanjian tersebut, kecuali pembesar di hilir/kuala Perak. Oleh yang demikian, meskipun ada perjanjian dengan Acheh dan Belanda, hasil bijih timah masih dijual kepada perdagang lain termasuklah "country traders' dan Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC). Dari segi jumlah hasil keluaran bijih Perak, tidak ada perangkaan yang tepat kerana banyak laluan dan juga perbezaan dari segi sukatan dan timbangan. Namun dari catatan-catatan yang terkumpul didapati hasil bijih Perak telah dibawa ke Melaka pada zaman Portugis (tahun 1613) sebanyak lebih kurang 300 bahara

(375 Ibs sebahara). Pada zaman awal pemerintahan Belanda (tahun 1650an) sebanyak 6,000 hingga 7,000 bahara. Jumlah penjualan bijih timah ini tidak tetap. Umpamanya, pada tahun 1678 hanya sebanyak 1,200 bahara. Kira-kira 100 tahun kemudian (1768) 667 bahara sahaja tetapi meningkat semula semasa zaman akhir Belanda di Perak (1792/93) kira-kira 979 bahara.⁴⁶ Pengaliran hasil ke tempat lain dari Perak adalah kerana faktor harga yang lebih baik dan kemudiannya disebabkan oleh pembukaan pelabuhan Pulau Pinang.

Selain daripada bijih timah, Perak juga mengeluarkan hasil hutan dan gajah. Hasil hutan dari Perak hampir sama dengan yang terdapat di Kedah. Kelainan hanya wujud dalam kutipan hasil kayu gaharu, di mana Kedah tidak mengeluarkannya. Pengeluaran kayu gaharu tertumpu di kawasan hutan Hulu Perak yang berjiran dengan Patani/Kelantan. Kayu gaharu ini mendapat pasaran yang baik dikalangan pedagang-pedagang China, India dan Arab. Kayu geharu menjadi ramuan penting dalam perusahaan membuat minyak wangi dan juga ramuan perubatan tradisional.⁴⁷

Selain hasil-hasil di atas, Perak juga banyak mengeluarkan hasil gajah dan gadingnya serta rotan disamping hasil hutan yang lain. Hasil ini terdapat juga di Kedah. Hasil gajah menjadi sumber monopoli DiRaja bagi kedua-dua kerajaan di atas. Gajah hanya mampu ditangkap dan dipelihara oleh pihak yang berkuasa sahaja. Peran pentingnya gajah kepada pemerintah, selain daripada menjadi kenderaan dan pengangkut barang, ia juga menjadi sumber

pendapatan. Sultan Perak pernah menghantar utusan ke India untuk memastikan ada kapal-kapal dari India membeli gajah di Perak. Bagi hasil rotan pula, selain daripada kegunaan pada batangnya, ada juga di antara buahnya yang boleh dijadikan pewarna (dye). Ia untuk kegunaan pada bahan anyaman supaya warnanya menjadi lebih terang dan berkilat. Pewarna ini terhasil dari buah rotan Jering (calamus draco) dari kumpulan rotan Segar. Pewarna yang dimaksudkan ini ialah yang dikenali dengan istilah "dragon's blood" bagi pasaran perdagangan antarabangsa.⁴⁸

2.4. KELANTAN-PATANI

2.4.1. SISTEM PEMERINTAHAN

Perbincangan ringkas tentang kerajaan Kelantan-Patani disatukan kerana sejarah awal kedua-duanya sering beriringan. Pemerintah Kelantan adalah keturunan dari Patani. Susur galur ini dikaitkan dengan kerajaan Champa di tenggara Teluk Siam. Sejarah telah membuktikan bahawa petempatan awal di Kelantan merupakan salah sebuah daripada petempatan tertua di Semenanjung.⁴⁹ Keistimewaan Kelantan adalah kerana emas, bijih dan kegiatan pertaniannya. Emas telah memperkenalkan Kelantan kepada perdagangan antarabangsa, begitu juga dengan Patani.

Sebagaimana petempatan kerajaan awal Kedah, Kelantan juga berpusat di kawasan pedalaman (hulu sungai). Kerajaan Ho-la-tan, Tan-tan dan kemudiannya Chih-tu dipercayai berpusat di hulu Sungai Kelantan. Kawasan

ini memang terkenal dengan hasil emasnya.⁵⁰ Selepas ini wujud kerajaan-kerajaan tempatan lain yang berkekalan sehingga ke zaman Melaka. Sambungannya ialah zaman keturunan Johor-Riau dan akhirnya kerajaan Cik Siti Wan Kembang. Kerajaan ini juga berpusat di hulu Kelantan dan kekal hingga akhir abad ke-17. Pada abad ke 18, wujud pula kerajaan-kerajaan kota yang bertumpu di hilir sungai, antaranya ialah kerajaan Kota Jembal, Jelasin, Mahligai, Kubang Labu, Terus dan Kota Lama. Ada yang muncul bersendirian dan ada yang bersaing. Sehingga kejayaan Long Yunus menubuhkan Kesultanan Kelantan, barulah kota-kota ini dapat disatukan.⁵¹

Dalam hubungan kedua-dua kerajaan ini, semacam ada satu aliran pusingan bersama. Jika pemerintahan Patani berkembang, Kelantan berada dalam kegelapan begitu pula sebaliknya. Pengembangan dan penguncutan kawasan silih berganti. Catatan tradisi menggambarkan keturunan pemerintah kerajaan Melayu Patani berasal dari hulu. Pembukaan kawasan hilir sebagai pusat kerajaan bermula setelah seluruh rakyat hulu dikerah berpindah ke hilir. Sebagai sebuah kerajaan, Patani mempunyai sistem pemerintahannya yang tersendiri yang terdiri daripada raja, kerabat, pembesar, dan rakyat jelata. Dikalangan kerabat terdapat kalangan pengganti raja yang boleh terdiri daripada anak, adik atau anak saudara. Keutamaan diberi kepada anak gahara kecuali berlaku rampasan kuasa. Bagi memenuhi susur galur keturunan, kedapatan pemerintah daripada kalangan anak perempuan. Jawatan

kedua selepas sultan ialah Raja Muda dan pada zaman akhir kerajaan kesultanan Melayu Islam Patani wujud pula jawatan Penolong Raja Muda. Dalam sistem kerabat terdapat juga jawatan Raja Bendahara atas perkahwinan dengan puteri sultan. Isteri dan gundik termasuk juga dalam kalangan kerabat.⁵²

Gambaran yang diketengahkan di sini, memperlihatkan Kerajaan Patani-Kelantan tidak mempunyai pusat pemerintahan yang berpindah pindah. Walaupun ada bukti petempatan di Kelantan antara yang tertua di semenanjung, tetapi dari segi sistem pemerintahan berkerajaan tidak begitu jelas sebagaimana di Kedah dan Perak. Walaupun Kerajaan Ho-la-tan, Tan-tan dan Chih-tu wujud, tetapi tidak dapat dipastikan tempat sebenarnya. Hanya yang dapat dipastikan, petempatannya di Hulu Sungai Kelantan. Bagi Patani pula, memperlihatkan petempatan yang kekal di kuala sungai dekat Teluk Patani. Tidak ada gambaran perpindahan kawasan kota kecuali istana. Apa yang pasti, Kerajaan Patani itu mempunyai sebuah kawasan yang luas. Ia mempunyai sistem kekerabatan dan pembesar yang memerintah kawasannya sampai ke selatan di Kelantan dan di sebelah utara sampai ke kawasan Singgora (Tiba dan Chenak). Peranan pembesar inilah kemudiannya menjadikan penerus kepada sistem beraja Kerajaan Melayu Patani. Apa yang berlaku di Kelantan kemudiannya dengan kewujudan pemerintahan petempatan di Kota Jembal, Kota Jelasin, Kota Mahligai, Kota Kubang Labu, Kota Terus

dan Kota Lama merupakan pemerintah wilayah kepada sebuah kerajaan, bukannya perpindahan kota seperti di Perak dan Kedah. Demikian juga perpindahan kota-kota pada Kerajaan Melayu Patani keturunan pembesar Kelantan dari Jambu ke Air Lilih dan Kota Perawan dari tempat asal di Gerisik pada pertengahan dan akhir abad ke 18 tidak diambil kira.⁵³

Kumpulan kedua ialah pembesar. Tidak jelas pembahagian kelasnya. Apa yang pasti ada yang berjawatan di sekeliling sultan dan ada yang berkhidmat di petempatan. Apa yang menarik ada daripada kalangan pembesar ini kemudiannya menjadi penerus kepada sistem beraja. Pembesar-pembesar ini juga kemudiannya meluaskan petempatan ke Kelantan yang membentuk kerajaan kota. Setelah putusnya zuriat Raja-raja Patani daripada keturunan Raja Seri Wangsa, pembesar-pembesar inilah kemudiannya membawa kembali pembesar Patani di Kelantan untuk merajai ketahtaan di Patani. Selepas ini hubungan Patani Kelantan bertambah erat lagi dalam erti kekeluargaan.⁵⁴

Dari segi nama dan bentuk jawatan pembesar, hampir menyamai dengan Kerajaan Perak. Ia mempunyai jawatan Bendahara, Temenggong, Laksamana, Shahbandar dan Penghulu Bendahari. Adalah dipercayai susunlapis ini mengikut tradisi Kesultanan Melaka. Ini berasaskan bahawa Kesultanan Patani pernah mendapat penobatan dari Melaka.⁵⁵ Satu lagi jawatan penting pembesar di sini ialah Orang Kaya Seri Agar Di Raja yang

menjadi ketua utusan membawa Bunga Emas ke Siam. Di sini memperlihatkan perhubungan Patani-Siam telah lama wujud. Perkara ini tidak menghairankan kerana kedua-dua kerajaan ini telah pun berperang sejak tahun 1603 lagi. Walaupun Kerajaan Patani sentiasa menang, tetapi usaha-usaha untuk berbaik dengan Siam sering dilakukan.⁵⁶

Kumpulan ketiga ialah rakyat jelata. Semua mereka mengakui hamba kepada sultan dan taat kepada pembesar. Perlantikan pembesar dibuat kerana kematian. Oleh kerana Patani selalu berperang (diserang), maka berlakulah banyak kali perlantikan ini. Peperangan juga dapat membantu pembukaan kawasan untuk tujuan pertahanan atau untuk pelarian. Pembukaan kawasan-kawasan ini akan menambahkan lagi hasil-hasil pertanian dan galian sama ada di Patani maupun di Kelantan.

Peristiwa-peristiwa yang berlaku di Patani boleh diasaskan kepada tarikh kemasukan Islam. Dipercayai Islam berkembang di Patani pada abad ke 14. Dengan ini pemerintahan kerajaan Patani yang datang dari hulu itu bermula pada masa sebelum ini. Pada masa itu Kelantan berada dalam zaman gelap sehingga pada zaman akhir Melaka baru dikatakan ia lebih kuat daripada Patani. Hal inilah yang menyebabkan Kelantan akhirnya ditakluki oleh Melaka kemudiannya.⁵⁷ Setelah Kelantan jatuh, Patani berkembang. Masa ini Patani berada dalam zaman kerajaan Melayu-Islamnya yang bersambungan daripada keturunan raja yang pertama sehingga kepada

jenerasi Kelantan. Walaupun pada akhirnya Kelantan dapat berkembang pada zaman Cik Siti Wan Kembang, namun perkaitannya dengan Patani dan kewilayahannya tidak terputus. Apabila Kelantan bersatu di bawah Long Yunus pada tahun 1776, Patani pula berada dalam kehancuran untuk pertama kalinya setelah ditewaskan oleh Siam pada tahun 1785.⁵⁸

Pengembangan Patani ke pendalaman dapat dilihat daripada pemecahan kerajaan ini oleh Siam kepada tujuh buah kerajaan Melayu yang lebih kecil. Kerajaan tersebut ialah Patani, Jambu (Yaring), Yala, Legeh (Rangae), Nongchik, Teluban (Sai) dan Reman. Hanya Patani, Jambu dan Teluban sahaja yang bersempadan dengan pantai. Yang lainnya di sebelah hulu dan pendalaman. Ini menggambarkan pusat pemerintahan wilayah telah menjadi kota-kota baru kepada kerajaan-kerajaan kecil Melayu yang diwujudkan. Begitu juga dengan di Kelantan. Oleh kerana petempatan asal mereka di sebelah hulu, dan banyak pula hasil- hasil galian emas dan bijih di kawasan ini, maka penduduk dan petempatan asal ini tetap ramai. Hanya kerabat dan pembesar sahaja yang memerintah dari hilir (kuala). Keadaan ini berlaku kerana keadaan dan kedudukan Sungai Kelantan yang strategik. Ia menjadi satu satunya jalan perhubungan dari tepi laut Kelantan ke pendalaman. Tidak ada jalan laluan lain. Keadaan ini memaksa penduduk di pendalaman Patani lebih suka dan mudah menggunakan Sungai Kelantan untuk perhubungan keluar-masuk.⁵⁹


2.4.2. SISTEM SOSIAL

Sistem sosial di antara Kelantan dan Patani tidak banyak bezanya. Walaupun Raja Patani berasal dari hulu, petempatan terus bertumpu di hilir. Meskipun pusat-pusat awal pemerintahan Kelantan di hulu, tetapi akhirnya bertumpu juga ke hilir. Ini tidak bermakna sebelah hulu tinggal kosong. Ia terus berpenghuni kerana potensi kedudukannya menjadi kawasan pertahanan dan sumber hasil. Dengan itu semua kawasan yang boleh mengeluarkan hasil mempunyai penduduk.

Patani juga mempunyai sistem sungai dan perlembahan yang luas seperti di Kedah. Di kawasan inilah yang menjadi tumpuan penduduk kerana pertanian padinya. Selain itu terdapat juga penanaman halia, bunga cengkik dan buah pala.⁶⁰ Selain pekerjaan di atas, sejumlah penduduk terlibat dalam usaha mencari hasil hutan di pedalaman dan menjalankan aktiviti perikanan di laut. Patani-Kelantan tidak mempunyai pulau yang berpotensi. Namun begitu satu-satunya pekerjaan penduduk tepi laut yang jarang kedapatan di tempat lain ialah membuat garam. Patani berkemampuan menghasilkan garam untuk keperluan tempatan dan perdagangan di seluruh Semenanjung.

Satu lagi pekerjaan yang tidak kurang pentingnya di Patani dan Kelantan ialah berternak lembu dan kerbau serta lain-lain ternakan. Binatang ternakan ini sesuai dengan kawasan tersebut kerana luasnya tanah sawah dan

Peta 2.7. Petempatan Kota-Kota Sebelum Long Yunus



Sumber: Ubahsuai dari Nik Mohamed - Seminar Arkeologi

juga tanah lapang yang mempunyai rumput. Pertalian antara sawah dan kerbau amat erat bagi masyarakat petani Melayu. Sawah yang luas memerlukan tenaga kerbau untuk membajak dan mengangkut hasil. Manakala kerbau pula memerlukan makanan daripada kawasan sawah yang luas. Dari segi kepentingn ekonomi pula kerbau dan lembu ini merupakan punca pendapatan tambahan kepada petani. Ini kerana keupayaan Patani mengekspot ternakan ini ke Perak dan Kedah serta kemudiannya ke Pulau Pinang. Kelantan pula mengekspot ternakan tersebut ke Pahang dan Terengganu, di samping ke Perak.⁶¹

Perdagangan Patani-Kelantan dengan dunia luar telah membawa masuk penghijrah-penghijrah daripada pelbagai pelusuk. Dari rumpun Melayu terdiri orang-orang dari Pasai, Minangkabau, Palembang dan Jawa. Selain orang Melayu, orang-orang Siam dan Pegu juga datang ke kawasan ini. Seperti di Perak, orang-orang Cina juga datang ke mari. Bagaimana pun sebab kedatangan mereka berbeza. Di Perak kerana bijih timah, di Kelantan-Patani kerana emas.

Meskipun penghijrah-penghijrah berhijrah ke Patani dan Kelantan kerana perdagangan, namun tidak kurang juga faktor penghijrahan mereka disebabkan masalah yang timbul di tempat mereka. Akibat serangan Siam ke atas Kedah, ramai juga penduduknya berhijrah di sini. Demikian juga sebaliknya orang Patani berhijrah ke Kedah dan Perak kerana masalah

yang sama. Satu lagi daya tarikan perpindahan ke Patani dan Kelantan kerana hasil galian emas dan bijihnya. Bagi kawasan yang banyak ditemui emas, ramailah penghijrah yang datang bertumpu di kawasan tersebut. Di Kelantan, kawasan yang menjadi tumpuan ialah Kundur, dekat Pulai Jajahan Gua Musang hari ini. Manakala di Patani pula ialah di Tomoh dekat kawasan Legeh-Reman. Kawasan kawasan begini juga menjadi tarikan penghijrah China datang berhijrah.⁶²

2.4.3. EKONOMI

Hasil ekonomi di Kelantan-Patani hampir sama dengan hasil ekonomi kerajaan-kerajaan sebelum ini. Kelainan yang wujud hanyalah dari segi pengeluaran emas, garam, kapur barus, kayu cendana, tanduk badak dan gading gajah. Keperluan terhadap hasil tersebut telah menggerakkan penduduk. Kepentingan perdagangan telah menggerakkan Kelantan-Patani berhubungan dengan dunia luar. Sebelum zaman Melak, mereka pernah berdagang dengan China pada abad ke-13 (1225). Pada zaman Melaka, Patani-Kelantan berurus dagang di Melaka. Kejatuhan Melaka membolehkan Patani menjadi sebuah pelabuhan entrepot di sebelah pantai timur Semenanjung, khususnya bagi kawasan Teluk Siam. Ini telah membawa pedagang dari seluruh pelusuk berdagang dengannya termasuk dari Jepun, China, Champa/Kemboja, Siam, Bugis, Ambon/Banda, India, Arab, Portugis, Belanda dan Inggeris. Keadaan ini berakhir apabila Terengganu dan

kemudiannya Kelantan menjadi pelabuhan penting pada akhir abad ke-18.⁶³

Selain hasil ternakan dan pertanian, Patani-Kelantan juga terkenal sebagai pengeluar garam dan juga ikan masin. Garam banyak dihasilkan di Patani dan ikan masin di Kelantan. Keeratan keperluan antara ikan masin dengan garam ini terbukti setelah Patani dilanda oleh wabak penyakit taun. Kelantan terpaksa menanggung risikonya tidak dapat mengeluarkan ikan masin.⁶⁴ Satu lagi hasil penting di sini ialah kelapa. Ia berupa hasil minyak dan juga buahnya. Hasil tambahan lain ialah gajah dan gadingnya serta lain-lain hasil hutan seperti kayu cendana untuk bahan pewangi.⁶⁵

Perkembangan dalam perdagangan telah mempengaruhi perkembangan kawasan. Kawasan yang luas diterokai apabila ada permintaan terhadap sesuatu hasil. Dalam proses perkembangan ini Patani-Kelantan hanya mampu berkembang ke arah pedalaman sahaja. Untuk bergerak jauh ke utara ia telah terhalang oleh kuasa Siam, yang juga melakukan perkembangan ke arah selatan melalui Ligor dan Singgora. Dalam proses perkembangan ini, Patani-Kelantan, Perak dan Kedah sama-sama bertemu di pusat yang menjadi sumber hasil, iaitu di banjaran yang menyambungkan kejiranannya. Selain itu, banjaran ini juga menjadi penyambung jalan laluan antara ketiga-tiga kerajaan ini.

Samada secara kebetulan atau tidak, perkembangan ke

pendalaman dan ke hulu sungai telah menjadi kementerian kerana punca hasil berada di sini. Hasil galian, hasil hutan dan juga gajah banyak terdapat di kawasan yang di batasi oleh banjaran gunung utama, iaitu Banjaran titiwangsa bagi Perak dan Kelantan. Manakala Patani dan Kedah pula oleh Banjaran Kedah-Singgora dan lanjutannya ke selatan. Tempat-tempat di sebelah kiri dan kanan banjaran gunung inilah yang menjadi punca hasil-hasil tersebut. Maka di sinilah mereka bertemu dan berkembang. Di sinilah peranan jalan perhubungan di darat iaitu sungai dan lorong menjadi penghubung kepada pertemuan kerajaan-kerajaan di atas.⁶⁶

2.5 KESIMPULAN

Sebelum kedatangan kuasa Barat di Segenting Kra telah terdapat tiga buah kerajaan Melayu tradisional, iaitu Kedah, Perak dan Patani-Kelantan. Ketiga-tiga buah kerajaan tersebut mengamalkan sistem pemerintahan beraja. Sultan mengurustadbirkan negerinya dengan bantuan pembesar-pembesar di kota. Sementara itu sebilangan daripada pembesar berada di petempatan-petempatan penduduk di luar kota mentadbirkan penduduk setempat dalam menjalankan kegiatan ekonomi dan sosial. Penduduk yang terdiri daripada rakyat jelata dan hamba diberi perlindungan oleh pihak sultan. Pada masa yang sama mereka mesti memperlihatkan taat setia sepanjang masa kepada pemerintah. Selain itu mereka juga dikehendaki membayar ufti kepada pemerintah dan sedia berkhidmat apabila kerahan

tenaga diperlukan. Di sini memperlihatkan konsep saling pergantungan di antara satu dengan yang lain. Oleh kerana teknologi pada masa itu adalah mudah, maka segala urusan amat bergantung kepada tenaga manusia. Dengan yang demikian kekuatan dan kekayaan sesorang sultan atau pembesar amatlah bergantung kepada bilangan penduduk yang setia bernaung di bawahnya. Pada masa ini keluasan kawasan pemerintahan secara jitu bukanlah merupakan perkara penting.

Kerajaan-kerajaan Melayu tradisional masing-masing mempunyai kawasan pemerintahan. Bagaimanapun kawasan tersebut tidak diukur sempadannya atau dengan kata lain kawasan tersebut tidak mempunyai garisan sempadan yang ketara. Bentuk muka bumi seperti gunung , bukit, tanah tinggi dan sungai selalu dijadikan sempadan kasar sahaja. Dengan yang demikian dapat disimpulkan bahawa kerajaan Melayu tradisional mempunyai kawasan kedaulatan tetapi tiada garis sempadan.⁶⁷

Oleh kerana tiada garis sempadan yang nyata dan tetap maka sesebuah kerajaan ini boleh berkembang seluas yang mungkin. Bagaimanapun perkembangan kawasan sesebuah kerajaan itu terhad apabila bertembung dengan kawasan kedaulatan sebuah kerajaan yang lain. Dalam hal ini kekuatan sesebuah kerajaan menentukan saiz kerajaannya. Kerajaan yang kuat dapat berkembang lebih luas dan dapat mengambil kawasan kerajaan jiran sekiranya kerajaan jiran tersebut lemah. Keadaan yang sebaliknya berlaku

sekiranya kerajaan jiran itu lebih kuat. Dengan yang demikian dapat dikatakan sesebuah kerajaan itu boleh berkembang dan boleh juga menguncup. Ketika perebutan dan penawanan sesuatu kawasan akan melibatkan beberapa siri peperangan. Namun begitu peperangan tersebut terhad kepada kawasan yang menjadi rebutan dan tidak sampai kepada meruntuhkan sesebuah kerajaan.

Dalam usaha mengembangkan kerajaan, pusat pemerintahan atau kota selalu berubah-ubah. Pembukaan kota akan melibatkan penghijrahan sultan, sebahagian daripada pembesar-pembesar beserta pengikut-pengikutnya.⁶⁸ Kota lama yang ditinggalkan akan ditadbirkan oleh pembesar yang dilantik. Dalam usaha membuka kota dan kawasan, sumber tenaga manusia amat diperlukan. Di sini jelas memperlihatkan mengapa bilangan pengikut atau rakyat amat penting daripada persoalan sempadan atau luas kawasan. Penduduk bukan sahaja penting untuk membina kota tetapi untuk membangunkan ekonomi sesebuah kawasan. Pembukaan kawasan pertanian, pencarian hasil galian, hasil hutan, hasil laut dan lain-lain semuanya memerlukan tenaga manusia yang ramai.

Secara umum sumber ekonomi bagi ketiga-tiga kerajaan di atas adalah hampir sama di antara satu dengan yang lain. Ketiga-tiga kerajaan bergantung kepada sumber hutan, sumber galian, hasil laut dan kegiatan pertanian makanan. Sumber-sumber ekonomi ini menjadi komoditi yang dapat

diperdagangkan kepada pedagang-pedagang China, India, Arab dan lain-lain yang datang berdagang di pelabuhan-pelabuhan tempatan.⁶⁹

Kawasan sumber ekonomi didekatkan lagi oleh jalan laluan. Bermula dari laut ke kuala sungai dan ke darat bertemu di permatang, genting dan juga pertemuan dua hulu sungai yang mengalir ke arah berlainan. Tempat-tempat inilah yang menjadi penyambung perjalanan antara dua tempat yang berasingan. Bagi ketiga-tiga kerajaan ini mereka mempunyai jalan-jalan yang boleh menghubungi antara satu sama lain. Laluan-laluannya ialah Kedah-Perak, Kedah-Patani, Patani-Kelantan dan Patani-Perak serta Patani-Kelantan. Ada juga laluan terus Kedah-Perak-Patani dan juga Patani-Kelantan-Perak. Di samping laluan-laluan ini ada juga laluan ke utara dan ke selatan lagi dengan jiran masing-masing. Misalnya laluan Kedah-Singgora dan Kedah-Ligor. Begitu juga Patani-Singgora dan Ligor. Laluan inilah pada zaman tradisionalnya sebagai penghubung antara kerajaan-kerajaan Melayu yang kemudiannya setelah kedatangan Barat dijadikan tempat pemisah dengan pengenalan sempadan kekal.⁷⁰

Sistem politik, sosial dan ekonomi yang dijelaskan di atas akan berubah satu persatu apabila kerajaan-kerajaan Melayu tradisional bertembung dengan kuasa Barat yang amat mementingkan kedaulatan jajahan yang menimbulkan persoalan kejadian sempadan.

NOTA KAKI

1. Kawasan ini diambil kira kerana pada awalnya merupakan kawasan kerajaan koloni Melayu dan juga untuk memperlihat perkembangan kerajaan Melayu di utara terutamanya Kedah. Perbincangan lanjut kawasan ini asalnya kawasan Melayu di sebelah pantai timur, lihat Mohd Zamberi A. Malek, **Umat Islam Patani, Sejarah dan Politik**, Shah Alam, Hizbi, 1993, hal.1-18. Bagi sebelah pantai barat pula lihat catatan J.H. Moor tentang petempatan koloni Melayu di Ranong (Rinnong) yang telah berpindah ke Sewun (Lang Sewung) di pantai timur. Beliau berada di situ pada awal tahun 1826. Lihat **Notices of the Indian Archipelago and the Adjacent Countries**, Singapore, 1837, dicetak kembali, London, Frank Cass & Co. Ltd., 1968, hal. 155 tambahan. Lihat sama penerangan John Crawfurd tentang Martaban (Moulmein) yang dikatakannya "...probably, the most northern limit of the navigation of the Malays.", dalam **A Descriptive Dictionary of the Indian Islands & Adjacent Countries**, London, Bradbury & Evans, 1856, diulang cetak, India, Chaukhamba Orientalia, 1974, hal. 271.
2. Gambaran awal Kerajaan Melayu Kedah, antaranya lihat R.O. Winstedt, "Notes on the History of Kedah", **JMBRAS**, Vol. 14, Pt. 3, 1936, hal. 154-192. Lihat sama Muhammad Hassan bin Tok Kerani Mohd Arshad, **Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hal. 1-95. (Selepas ini ditulis M. Hassan Tok Kerani).
3. Lihat antaranya R.O. Winstedt and R.J. Wilkinson, **A History of Perak**, **JMBRAS**, Vol. 12, Pt. 1, 1934, hal. 7. Lihat sama M.A. Fawzi Basri, **Cempakasari, Sejarah Kesultanan Negeri Perak**, Ipoh, Yayasan Perak, 1986, hal. 15.
4. Lihat Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, "Mengkaji Salasilah Long Yunus Kelantan", **Jurnal Sejarah Kelantan**, Kota Bharu, Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Kelantan, 1975, hal. 2. Ibrahim Shukri (penyusun), **Sejarah Kerajaan Melayu Patani**, Pasir Putih, Kelantan, Dicap oleh Tengku Zainab binti Tengku Abdul Mutalib, tanpa tarikh, (Jawi). Beliau menggambarkan keturunan Raja Patani berasal dari pendalam., hal. 25-28.
5. Inilah ciri petempatan Melayu tradisional sebagaimana digambarkan oleh perundangan Melayu dan kajian geografi kemudiannya. Lihat Abu Hassan bin Mohd. Sham, "Undang-Undang Melayu Lama, Tumpuan Khas Kepada Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Yang Di Bawah Pengaruhnya", Tesis MA, Kuala Lumpur, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1972, hal. 201-202. Kajian khusus di Kedah, lihat Zaharah Haji Mahmud,

"Change in a Malay Sultanate: A Historical Geography of Kedah before 1939", Tesis MA, Kuala Lumpur, Jabatan Geografi, Universiti Malaya, 1966, terutama bab 1, hal. 1-31. Lihat sama Ooi Jin Bee, **Bumi, Penduduk dan Ekonomi di Tanah Melayu**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hal. 111.

6. Ini tidak bermakna antara mereka tidak melimpasi kawasan. Siam biasa menakluki dan berkuasa di pantai barat kawasan Ujong Salang dan Tenasserim dan Burma pula pernah menakluki Kawasan Ligor. Lihat pengakuan Siam yang kawasan Tenasserim adalah miliknya yang ditawan oleh Burma 50-60 tahun sebelum Perang Inggeris-Burma I (1824-1826). Kenyataan ini terdapat dalam **The Burney Papers**, Vol. 1, Pt. 1, Bangkok, Vajirana National Library, 1911, hal. 28-29 & 53-54.

7. Mudahnya hubungan sesama sendiri kerajaan-kerajaan Melayu dapat digambarkan daripada kenyataan Shaharil Talib ini, "...bahawa Sultan Terengganu pernah memaklumkan yang Terengganu dengan Pahang tidak mempunyai sempadan negeri. Sultan Pahang boleh masuk ke Terengganu tanpa had atau halangan, dan bukan setakat pintu istana sahaja". Maklumat ini semasa perbincangan awal kajian sejak pendaftaran pada tahun 1990. Kenyataan yang hampir sama dibuat oleh Sultan Kelantan kepada Gabenor William Jervois, "...bahawa baginda tidak jelas di mana sempadan kerajaannya dan tidak pun tahu tentang negerinya bersempadan dengan Perak atau Selangor. Lihat catatan Frank Swettenham yang menjadi pengiring lawatan pada Julai 1875 dalam P.L. Burns and C.D. Cowan, (ed.), **Sir Frank Swettenham's Malayan Journals 1874-1876**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1975, hal. 269.

8. Gambaran ringkas tentang keadaan fizikal dalam kajian ini dianalisa daripada A.M. Skinner, (ed.), **A Geography of the Malay Peninsular and Surrounding Countries in Three Parts (Part 1 Malay Peninsular and Borneo)**, Singapore, 1884, hal. 1-5. Ooi Jin Bee, *Op. Cit.*, hal. 3-28. John Crawfurd, *Op. Cit.*, hal. 249-259. Goh Cheng Leong dan Piara Singh, **Geografi 2, Asia Tenggara, STPM**, Petaling Jaya, Penerbit Fajar Bakti, 1985, hal. 2-80 dan 190-218.

Penilaian juga dibuat kepada peta-peta bagi kawasan ini. Antara peta yang digunakan ialah Peta Semenanjung Malaysia bagi Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Kelantan, Jenis C, Edisi 2-PPNM, 1988, Skala 1: 50,000. Peta Semenanjung Malaysia, Syit 1, Cetakan 3, Rampaian 81, PPNM, 1977, Skala 1: 500,000. Peta Kawasan Selatan Thailand untuk kegunaan Angkatan Tentera Malaysia. **Atlas Kebangsaan Malaysia**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977.

9. Lihat John Anderson, **Political and Commercial Considerations Relative to the Malayan Peninsula**, MBRAS Reprint, No. 11, Vol. 35, Pt. 4, (No. 200), ulang cetak, 1989, hal. 135.
10. Peranan kerajaan tempatan di Asia Tenggara, termasuk Kedah dan Patani sebagai tempat penting bagi pedagang pesisir dan antarabangsa, lihat Sinnappah Arasaratnam, "Pre Modern Commerce and Society in Southeast Asia", **Syaranan Perdana Anugerah**, pada 21 Dis. 1971, Kuala Lumpur, Jabatan Pendaftar, Universiti Malaya, 1972, 23 hal. Lihat sama Jeyamalar Kathiritamby-Wells, "The Politics of Commerce in Southeast Asia: An Historical Perspective", **Syaranan Perdana Anugerah**, pada 15 Dis. 1992, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1992, 29 hal.
11. Lihat Wan Shamsuddin Mohd. Yusof (Haji), "Salasilah DYMM Sultan Negeri Kedah Darulaman, TM 1136 Hingga Sekarang", dalam **Alor Setar 250 Tahun**, Alor Setar, Kerajaan Kedah darulaman, 1990, hal. 11-12.
12. M. Hassan Tok Kerani, **Op. Cit.**, hal. 3.
13. Penilaian ini berdasarkan analisa tulisan M. Hassan Tok Kerani, **Op. Cit.**, hal. 6-18.
14. **Ibid.**, hal 2-8. Lihat sama Zaharah Haji Mahmud, **Op. Cit.**, hal. 89-91., dan Sharom Ahmat, "Debt-Bondage in Kedah", **Kedah Dari Segi Sejarah**, Jil. 4, Bil. 1, 1970, hal. 45-49.
15. Dalam hal ini kedapatan timbal balas antara hubungan pembesar tempatan dengan pemerintah di pusat. Shaharil Talib menggambarkan ada tawar menawar antara sultan dengan pembesar dari segi kuasa dan keperluan. Lihat tulisannya "The Port and Polity of Terengganu During the Eighteenth and Nineteenth Centuries: Realizing Its Potential", dalam J. Kathiritamby-Wells and John Villiers, (ed.), **The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise**, Singapore, Singapore University Press, 1990, hal. 218. Lihat sama kenyataan W.R. Roff yang dipetik daripada Wan Abdul Rahman Latiff, "Pre-Colonial Kelantanese Political System and the Origin of the Penghulu Authority Structure: a Preliminary Analysis", **MIH**, Vol. 20, No. 2, Dec. 1977, hal 30, berbunyi;
"It was to the advantage of the chief to maintain the sultanate, the symbol of the state and fount of title, as a basis of their position vis-a-vis each other, as a source of prize in dynastic manoeuvring, and as the embodiment of the larger political unit with its advantages for the trade and defense".

16. M. Hassan Tok Kerani, **Op. Cit.**, hal. 7.
17. Analisa terhadap perpindahan kota-kota sebelum kerajaan Islam, lihat **Ibid.**, hal. 6-25.
18. Wan Shamsuddin Mohd. Yusof (Haji), "Pusat-Pusat Pentadbiran Kedah Darulaman Dari Bukit Meriam Ke Kota Setar", dalam **Alor Setar 250 Tahun**, **Op. Cit.**, hal. 1-10.
19. Satu daripada contoh laluan utama di Kedah ke pedalaman, lihat A.W. Hamilton, "The Old Patani-Kedah Route", **JSBRAS**, No. 89, 1922, hal. 389-392. Masalah laluan di Sungai Muda menjadi satu daripada faktor Inggeris di Pulau Pinang terpaksa memohon pinda garisan sempadan Province Wellesley sebanyak tiga kali (1831, 1867, dan 1869). Laluan Perlis-Setol-Singgora juga menjadi punca masalah menyukat sempadan pada tahun 1910-1913. Lihat bab 3 dan 6 berasingan.
20. Analisis umum tentang penduduk, petempatan dan pekerjaan penduduk dibuat daripada tulisan M. Hassan Tok Kerani, **Op. Cit.**, hal 1-95, Penjelasan terperinci, lihat Zaharah Haji Mahmud, **Op. Cit.**, hal. 1-100.
21. Petempatan orang Aceh di Kedah, lihat Abdul Majid bin Hussin, "Orang Aceh di Yan Kedah: Satu Tinjauan Umum", **MDSJ**, No. 9, 1980, hal. 125-133.
22. Kajian terbaru mengenai orang Sam-Sam di Kedah/Perlis, lihat Nishi Ryoko, "Local Powers on the Periphery: History Memoirs of the Sam-Sam on the Thai-Malaysian Border" dalam **An International Seminar on Thailand and her Neighbours (1) Malaysia**, Kyoto, Siran Kaikan, Sakyo, 19-20 Nov. 1993, 25 hal.
23. Tempat-tempat ini bukan sahaja berdasarkan kepada keadaan hari ini, tetapi dari pengesahan kajian geologi. Lihat E.S. Willbourn, "The Geology and Mining Industries of Kedah and Perlis", **JMBRAS**, Vol. 4, 1926, hal. 188-332.
24. Hasil lilin, lihat Zaharah Haji Mahmud, **Op. Cit.**, hal. 28.
25. Lihat John Anderson. **Op. Cit.**, hal. 151 dan 51.
26. Analisis ekonomi dan penduduk ini dari tulisan M. Hassan Tok Kerani, **Op. Cit.**, hal. 1-95. Penjelasan lanjut selain dari Zaharah haji Mahmud, lihat Sharom Ahmat, **Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development, 1872-1923**, **JMBRAS Monograph**,

No. 12, 1984, hal. 17-45.

27. Keagungan Kedah sebagai pusat perdagangan lihat Sinnapah Arasaratnam, **Op. Cit.**, hal. 13-14. Kejatuhan pelabuhan Kedah setelah pembukaan Pulau Pinang, lihat John Anderson menganggarkan kerugian Kedah kira-kira \$20,000 setahun, **Op. Cit.**, hal. 46. Zaharah Haji Mahimud pula menganggarkan lebih banyak lagi, kira-kira \$56,000 setahun. Ini berasaskan pendapatan tahunan Sultan Abdullah Mukarram Shah (1762-1799) sebanyak \$136,000 berbanding setelah pembukaan Pulau Pinang tinggal hanya \$80,000 setahun, **Op. Cit.**, hal. 93-94.
28. Haji Buyong Adil, **Sejarah Perak**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972, hal. 8-126.
29. M.A. Fawzi Basri, **Op. Cit.**, hal. 6-13.
30. Penjelasan lanjut tentang kerabat dan pembesar, lihat Mariam Mohd. Ali, (dikaji oleh), "Susunan Pertama Adat Lembaga Orang Orang Melayu Di Dalam Negeri Perak Darulridzuan Dari Zaman Purbakala Hingga 1935", Kajian Ilmiah, Kuala Lumpur, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1976/77, terutama hal. 1-107.
31. Gambaran tentang pemerintahan seorang sultan bersama-sama pembesarnya di Perak, lihat Raja Chulan, **Misa Melayu**, Kuala Lumpur, Penerbitan Pustaka Antara, 1991, terutama hal. 17-110.
32. Mariam Mohd. Ali, **Op. Cit.**, hal. XCVI.
33. Ibid., hal. XCV.
34. Nama-nama tempat yang menjadi kota ini dianalisis daripada Haji Buyong Adil, **Op. Cit.**, hal. 8-42. Lihat sama N.A. Halim, **Sejarah Perak, Siri Pertama**, Kuala Lumpur, Jabatan Muzium, 1977, hal. 99-159. Pengarang sama, **Tempat-Tempat Bersejarah Perak**, Kuala Lumpur, Jabatan Muzium, 1981, hal. 21-70.
35. Raja Chulan, **Op. Cit.**, hal. 55-56.
36. Penghijrahan ke Perak telah bermula sejak lebih 400 tahun lampau. Lihat Patrick Sullivan, **Social Relations of Dependence in a Malay State: Nineteenth Century Perak, JMBRAS Monograph**, No. 10, 1982, hal. 74.
37. Catatan tradisional mengesahkan kawasan hulu telah dikuasai oleh Perak sejak sultan kedua dengan menempatkan wakilnya bagi mengutip cukai

perlombongan. Lihat Haji Buyong Adil, **Op. Cit.**, hal 9. Lihat sama B.W. Andaya, **Perak, The Abode of Grace, A Study of an Eighteenth Century Malay State**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1979, hal. 145-148

38. Kesah penghijrahan orang Aceh dan Bugis ke Perak, lihat N.A. Halim, **Sejarah Perak, Op. Cit.**, hal. 163-190.

39. Penghijrahan suku ini, belum ada kajian khusus lagi. Namun daripada penyelidikan ke atas keturunan Che Karim Selama, iaitu Puan Maheran bt Abd Aziz (82 tahun) dan cucunya Encik Mohd Aminuddin bin Alauddin pada 3 Nov. 1993, di Selama, Perak, mengakui suku kaum Rawa mula bertapak di Semenanjung Melayu sejak daripada kedatangan Raja Kecil lagi. Dari Johor mereka berkembang ke Pahang setelah Raja Kecil gagal dalam cita-citanya. Dari Pahang mereka ke Gopeng/Teja (Daerah Kinta). Kehadiran mereka dengan ramainya di Selama, Perak kerana mengikut Che Karim berpindah dari Larut dan membuka lombong bijih timah di sana sekitar tahun 1870an. Banyak sejarah dan rahsia penghijrahan mereka (orang Rawa dan keturunan Che Karim) tersimpan dalam "Catatan Harian Che Karim" yang kini dalam simpanan Encik Mohd Aminuddin. Beliau masih mahu menyimpannya sebagai khazanah keluarga. Usaha untuk membuat kajian dan mendapatkannya juga sedang dilakukan oleh Abdullah Zakaria bin Ghazali dari Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Setakat hari ini masih belum berjaya memperolehnya.

40. Di Kedah, campuran keturunan Melayu dengan India, melahirkan Jawi Pekan atau Orang Peranakan, lihat Zaharah Haji Mahmud, **Op. Cit.**, hal. 28-29. Tetapi tidak begitu terkenal di Perak. Sama ada di Kedah atau Perak, campuran keturunan Melayu dengan Arab, menghasilkan keluarga Syed (Sayid). Keturunan ini pula melalui perkahwinan anak perempuan mereka (Syarifah/Siti) dengan orang kebanyakan di Perak melahirkan keturunan Mior. Keturunan ini terkenal juga dalam hieraki pemerintahan tempatan, kerana jawatan Datok Seri Adika Raja menjadi milik keturunan mereka sejak dari awal lagi. Lihat R.O. Winstedt, "The Hadramaut Saiyids of Perak and Siak", **JSBRAS** No. 79, 1918, hal. 49-54. Lihat sama Raja Razman bin Raja Abdul Hamid, dan rakan-rakan, (penyusun) **Hulu Perak Dalam Sejarah**, Ipoh, Regina Press, 1963, hal. 103. (gambar rajah salasilah).

41. B.W. Andaya, **Op. Cit.**, hal. 391.

42. B.W. Andaya membuat catatan berdasarkan sumber Belanda. Penduduk Perak dikatakan bermula dengan kira-kira 200 orang pada kurun ke-16, telah bertambah menjadi 5,000 orang pada tahun 1621, **Op. Cit.**, hal. 22. Tetapi John Anderson masih tidak mampu memberi anggaran tepat pada awal abad ke 19, **Op. Cit.**, hal. 187.

43. Lihat kenyataan Patrick Sullivan, "The most important fact of Malay economic life in Perak was rice-growing; without rice, it could not be mined", **Op. Cit.**, hal. 20.
44. Negeri Perak dengan hasil bijihnya telah "sinonim". Ini berdasarkan "The History of the mines, which is naturally the first portion of the subject demanding attention is practically the history of the state, for it is very difficult to disentangle the one from the other. Without its tin, Perak would undoubtedly now be unknown jungle. It was its mineral wealth which first brought it into notice, and which has in these latter years produced the funds for its rapid development", Lihat L. Wray Jun, **The Mines and the Tin Mining Industries of Perak and Other Papers**, Taiping, Printed of Government Office, Perak, 1894, hal. 1.
45. B.W. Andaya, **Op. Cit.**, hal. 16.
46. Peranan "country traders", di sini pada zaman awal, lihat D.K. Basset, "The British Country and Sea Captain in Southeast Asia in the 17th and 18th Centuries", **Journal of Historical Society**, Vol 1, No. 2, 1961, hal. 9-14. Bagi data hasil bijih di atas, dikutip daripada B.W. Andaya, **Op. Cit.**, hal. 61, 280 dan 385.
47. Lihat **Handbook of the Federated Malay States**, compiled by H. Conway Belfield, (British Resident of Selangor), 3rd Edition, London, Edward Stanford, 1906, hal. 64. Pekerjaan mencari kayu gaharu di Hulu Perak berterusan sehingga sekarang. Ini disahkan melalui temu bual dengan Encik Mat Karim bin Mat Molek (47 tahun), Ketua Kampong Belom Baru, Mukim Kenering, Hulu Perak pada 22 September 1994. Sistem Televisyen Malaysia (TV3) ada membuat kenyataan ini semasa liputan tentang "Hutan Belom" semasa siaran khasnya pada 19 Jun 1994.
48. Kepentingan rotan sebagai sumber pendapatan tambahan dibincangkan oleh John Anderson, **Op. Cit.**, hal. 124. Lihat sama J.M. Gullick, **Malay Society in the Late 19th Century, The Beginning of Change**, Singapore, Oxford University Press, 1987, hal. 152., dan juga H. Conway Belfield, **Op. Cit.**, hal. 62.
49. Lihat Nik Mohamed bin Mohd Salleh, "Sistem Politik dan Kesultanan Kelantan", **Seminar Arkeologi Malaysia Dengan Tumpuan Khusus Kepada Negeri Kelantan**, Kota Bharu, Perbadanan Muzium Kelantan, 1986, hal. 1.
50. Jajahan Hulu Kelantan terkenal dengan pengeluaran emasnya sehingga ke hari ini. Di Pulai, selatan Pekan Gua Musang (dalam laluan jalan Gua

Musang-Kuala Lipis) masih mengeluarkan hasil emas yang diusahakan oleh Syarikat Malaysian Mining Corporation (MMC). Catatan bertulis tentang pengeluaran emas di sini, antarnya lihat S.M. Middlebrook, "Pulai: An Early Chinese Settlement in Kelantan", **JMBRAS**, Vol. 11, Pt. 2, 1933, hal. 151-165. Di Hulu Sungai Pergau dalam Jajahan Jeli, kedapatan lagi emas yang diusahakan oleh penduduk tempatan. Apa yang difahamkan (daripada maklumat dalaman) peristiwa penahanan Projek Empangan (Haidro) Pergau oleh Kerajaan Kelantan pada pertengahan tahun 1993 ada kaitan dengan "pencerobohan dan pencurian" kawasan emas. Bukan kerana masalah pampasan yang digembar-gemburkan. Pihak pengurusan projek telah mengalihkan tanah-tanah yang dipercayai mengandungi bahan emas ke tempat lain untuk di proses. Penyelidik biasa melawat ke kawasan perusahaan emas di Pulai, Gua Musang semasa dalam perkhidmatan tentera pada tahun 1990.

51. Nik Mahmud bin Ismail, (penyusun), **Ringkasan Cetera Kelantan, Salasilah Raja dan Tarikhnya**, Kelantan, The Al-Asasiah Press, 1934, hal. 6-11. (jawi).
52. Gambaran ini dianalisis daripada penulisan A. Teeuw dan D.K. Wyatt (diusahakan), **Hikayat Patani**, The Hague, Martinus Nijhoff, 1970 dan Mohd Zamberi A. Malek, **Op. Cit.**, hal. 18-175.
53. Mohd Zamberi A. Malek, **Ibid.**, hal. 90-98.
54. **Ibid.**, hal. 87-100.
55. Lihat W.G. Shellabear, (diusahakan oleh), **Sejarah Melayu, Jilid Pertama dan Kedua**, Singapore, Malaya Publishing House, 1961, hal. 245-246.
56. Lihat Ibrahim Shukri, (penyusun), **Op. Cit.**, hal. 50.
57. W.G. Shellabear, **Op. Cit.**, hal. 205-206.
58. Ibrahim Shukri, **Op. Cit.**, hal. 91.
59. Lihat kisah pengembalaan ke Hulu Perak, Tomoh, (Hulu Legih), dan ke Kelantan ikut Sungai Pergau oleh Henry Norman, **The Peoples and Politics of The Far East**, London, T. Fisher Unwin, 1894, hal. 534-586.
60. Mohd Zamberi A. Malek, **Op. Cit.**, hal. 79.
61. John Anderson, **Op. Cit.**, hal. 171.

62. Penghijrahan orang China ke Pulai, lihat S.M. Middlebrook, **Op. Cit.**, hal. 151-165.
63. Lihat Othman bin Mohd Yatim, "Kelantan Dalam Sejarah Perhubungan Dengan Tamaddun Luar", Dalam **Seminar Arkeologi Malaysia, Op. Cit.**, hal. 3. (Beliau memetik daripada Wee Khoon Hock, 1966, hal. 35-36.) Lihat sama W.A. Graham, **Kelantan, A State of the Malay Peninsula, A Handbook of Information**, Glasgow, James Macleayhouse and Sons, 1908, hal. 39., dan Shaharil Talib, "The Port and Polity of the Terengganu During the 18th and 19th", **Op. Cit.**, hal. 213-230.
64. W.A. Graham, **Op.Cit.**, hal. 67.
65. Mohd Zamberi A. Malek, **Op. Cit.**, hal. 78.
66. Gambaran ringkas tambahan tentang sistem sosial (cara hidup dan kebudayaan), sistem ekonomi (Pekerjaan dan hasil tanaman), Keadaan politik dan jalan laluan darat dari Singora, Patani dan Kelantan dapat dilihat dalam W.W. Skeat & F.F. Laidlaw (peronal account), **The Cambridge University Expedition to Parts of the Malay- Peninsular 1899-1900, JMBRAS** , Vol. 26, Pt. 4, (No. 164) 1953, hal 5-174.
67. Secara tradisinya kekuasaan pusat terbatas di kuala-kuala sungai dan satu dua anak sungai berhampiran sahaja. Sungai sungai besar lain yang jauh berada di bawah pemerintahan pembesar tempatan. Lihat Shaharil, "The Port and Polity of Terengganu During 18th and 19th", **Op. Cit.**, hal. 213. Sharom Ahmat, **Op. Cit.**, hal. 1-2. dan W.R. Roff, **Nasionalisma Melayu**, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 1975, hal. 1. (terjemahan Ahmad Boestamam)., dan C. Skinner, "The Civil War in Kelantan in 1839", **MBRAS Monograph**, No. 11, 1965, hal. 1.
68. Khoo Kay Kim, **Negeri- Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873**. Petaling Jaya, Penerbit Fajar Bakti, 1984, hal. 6.
69. Secara ringkasnya hasil mahsul kerajaan-kerajaan di atas ialah:
- a. Hasil Bumi/Galian
 - 1). Bijih timah
 - 2). Habuk emas
 - 3). Bijih besi
 - b. Hasil Tanamn (pertanian)
 - 1). Padi
 - 2). Jenis lada
 - 3). Buah pinang

- 4). Sagu
- 5). Cengkih
- 6). Cutch
- 7). Gambir
- 8). Tebu
- c. Hasil Ternakan
 - 1). Lembu
 - 2). Kerbau-kambing
 - 3). Ayam-itik
 - 4). Kulit Binatang.
- d. Hasil Hutan
 - 1). Kayu-kayan
 - 2). Rotan & pewarna (dye)
 - 3). Akar dan daun ubat-ubatan
 - 4). Madu lebah
 - 5). lilin (wax)
 - 6). Damar
 - 7). Kayu Gaharu, Cendana dan Kasturi
 - 8). Gajah- gading dan gigi
 - 9). Badak- sumbu atau gading
 - 10). Harimau- tulang dan kulit
 - 11). Rusa- tanduk
- e. Hasil Laut/Gua
 - 1). Sarang burung
 - 2). Fish Maws (telur ikan)
 - 3). Sirip jerong
 - 4). Tripang (gamat)-sea slugs atau beech de mer
 - 5). Mutiara
 - 6). Tiram
 - 7). Garam
 - 8). Ikan masin

Diubahsuai daripada C.E. Wurtzburg, "A Brief Account of Several Countries Surrounding Prince of Wales Island With Their Production Recorded From Captain Light", **JMBRAS**, Vol. 16, Pt. 1, 1938, hal. 123-126.

70. Laluan-laluan di atas selain daripada tulisan A.W. Hamilton, antaranya lihat John Anderson, **Op. Cit.**, hal. 167-171 membincangkan laluan Sungai Muda-Keroh-Betong dan Patani(Reman).

Laluan Grik-Kroh-Betong, lihat W.E. Maxwell " A Journey on Foot to the Patani Frontier in 1876. Being a Journal Kept During an Expedition Undertaken to Capture Datoh Maharaja Lela of Perak", **JSBRAS**, No. 9, 1882, hal. 48-60. Laluan ini disahkan oleh Tengku Syed Haji Alang Alwi bin

Tuan Man (cicit Raja Reman terakhir, Tuan Bakak) semasa penyelidik menemuinya di Kampong Kota, Keroh pada 23 Januari 1992. Laluan lain, Hulu Perak-Legeh(Patani)-Kelantan, lihat Henry Norman, **Op. Cit.**, hal. 548-575. Laluan Kelantan-Patani, lihat W. W. Skeat and F.F. Laidlaw, **Op. Cit.**, bagi laluan Kedah-Singgora dan Ligor (selatan Segenting Kra), antaranya Laporan Leftenan James Low mencuba laluan Trang-Singgora tetapi gagal memasuki kawasan tersebut kerana tidak mendapat kebenaran daripada Raja Ligor dan beliau enggan menemui James low. Lihat laporan James Low bertajuk "Journal of the Public Mission to the Rajah Ligor dated 10 Aug. 1824" dalam SSFR (IOL), Vol. 98, tanpa folio. Laluan lain di kawasan ini, lihat **The Burney Papers** Vol. 2, Pt. 1,3, dan 4, Bangkok 1971. Bagi laluan ke Tenasserim dari Teluk Siam, lihat Arthur Keith, "An Account of a Journey Across the Malay Peninsula from Kok Lak to Mergui, **JSBRAS**, No. 24, 1891, hal. 31-41 .